



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Tuan Oo Gin Sun dan Y.B. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad—
Kebenaran [Ruangan 3977]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3977]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 4017]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 4018]

Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 4064]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ Menteri Luar Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).**
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' SERI SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).**
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- „ Menteri Pertanian, **DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan-Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K, K.M.N (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TAUN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN
HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD.
A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN
MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar
Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K.
(Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
(Star).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang
Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* Chan Kit (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

- Yang Berhormat TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESSEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S, P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).

- Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Star).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).

„ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).

„ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).

„ DR TAN TIONG HONG (Kepong).

„ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).

„ TUAN TING CHEK MING (Bruas).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).

„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).

„ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).

„ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).

„ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala
Kangsar).

„ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

„ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).

„ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 20hb Oktober, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan-Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN YANG
DI-PERTUA

CUTI Y.B. TUAN OO GIN SUN
DAN Y.B. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN
MOHAMAD—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada satu lagi pengumuman bagi dimaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Tuan Yang di-Pertua mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 dalam Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun selama tempoh yang bermula daripada 21hb September, 1981 hingga 31hb Disember, 1981 dan kepada Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad selama tempoh yang bermula daripada 21hb September, 1981 juga hingga 31hb Disember, 1981.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN
AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

1. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah tidak adil sama sekali kerana ia tidak memberi peluang kepada orang-orang tahanan untuk diadakan dalam sebuah mahkamah terbuka serta juga Akta tersebut

adalah bertentangan dengan hak-hak manusia; sama ada pimpinan baru sekarang akan memansuhkan Akta tersebut sekiranya ia benar-benar demokratik, liberal dan adil.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, tujuan asas diwujudkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ialah bagi menghadapi cabaran dan memerangi anasir-anasir komunis dan anti nasional yang bertujuan berlaku keadaan huru hara dalam negeri. Jika anasir-anasir ini berjaya merampas kuasa daripada rakyat, anasir-anasir inilah yang akan memansuhkan pentadbiran yang adil yang wujud sekarang.

Walaupun kes-kes tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini tidak dibawa ke Mahkamah terbuka untuk dibicarakan kerana tidak ada peruntukan mengenainya, akan tetapi Akta ini memberi peruntukan kepada seseorang itu sama ada hadir sendiri, hadir bersama-sama peguam atau diwakili oleh peguamnya mengemukakan kesnya kepada Lembaga Penasihat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Penasihat adalah sebuah badan bebas yang diwujudkan oleh Kerajaan mengikut Perkara 151 (2) Perlembagaan Persekutuan dan badan ini dipengerusikan oleh seorang yang berkeelayakan setaraf dengan seorang hakim. Pihak Lembaga Penasihat akan membuat ulangkaji ke atas kes-kes tahanan setiap 6 bulan sekali dan adalah bebas membuat pengesyoran atau perakuan kepada Kerajaan mengenai sesuatu kes yang didengarnya. Pihak Kerajaan juga akan meneliti perakuan-perakuan yang dikemukakan oleh Lembaga Penasihat dan Kerajaan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap perakuan-perakuan Lembaga tersebut.

Memandangkan kepada keadaan tenteram yang wujud hasil dari keupayaan jentera Kerajaan mengawal keadaan dengan adanya peruntukan-peruntukan yang terdapat di bawah Akta ini, dan demi kesejahteraan serta keamanan rakyat keseluruhannya, maka Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Akta ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini apabila Pengarah Urusan dan pengongsi Akhbar Watan, Datuk Abdul Aziz Ahmad, ditahan di bawah ISA, Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Haji Rozhan Kuntom berkata bahawa penahanan Datuk Haji Abdul Aziz adalah untuk membantu siasatan terhadap penahanan Halim, bekas Pengarang Watan. Adakah sekarang sudah menjadi amalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menangkap seorang di bawah ISA untuk membantu siasatan dalam satu kes sahaja atau penangkapan ini ada lain-lain sebab. Tetapi soalan tambahan saya ialah adakah perkara ini menjadi satu amalan biasa di mana seorang ditangkap untuk membantu siasatan polis sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Benar atau tidak benar apa yang di dalam akhbar itu tidak boleh dipersoalkan di dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak sebut apa yang ada dalam akhbar, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu sama ada sudah menjadi satu amalan biasa.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak dalam akhbar dari mana Yang Berhormat dapat itu?

Tuan Lim Kit Siang: Itu dari punca-punca saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Itu lagi tidak boleh pakai.

Tuan Lim Kit Siang: Ini yang saya hendak bertanya sama ada accurate atau tidak accurate, sama ada ini menjadi satu amalan yang biasa.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi dalam Standing Order ada menyatakan, kalau S. O. 23 (1) (h) itu jelas kalau perkara itu benar atau tidak benar dalam akhbar itu ataupun S. O. 23 (i) begitu juga, tidak bolehlah. Tetapi kalau

benda itu benar, bolehlah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawabnya.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, mengikut sistem keadilan British tiap-tiap seorang ditangkap walaupun disyaki, walaupun ada *prima facie* evidence mengatakan dia salah, selalunya ditangkap dikatanya; to assist the Police in investigation. Begitulah rupanya penahanan Datuk Haji Abdul Aziz yang ada hubungan dalam nada yang sama (in the same tone), menggunakan bahasa yang difahami oleh loyar seperti Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri yang keadaannya hampir serupa juga wujud di negara-negara demokrasi yang lain dalam dunia seperti negara India yang terkenal sebagai negara demokrasi yang terbesar di dunia dan wujudnya undang-undang seperti itu tidak menjejaskan amalan demokrasi dan tidak menjejaskan keadilan di dalam negeri itu. Sama ada pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersetuju dengan saya bahawa dalam melaksanakan undang-undang ini pihak pemerintah kita cukup adil bahawa undang-undang ini tidak ditujukan hanya kepada puak Pembangkang yang sentiasa mengungkit-ungkit hal ini tetapi juga ditujukan kepada ahli-ahli parti pemerintah sendiri.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga saranan Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya bersetuju.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun dalam ISA ada satu Lembaga Penasihat tetapi dalam ISA pun Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada hak mutlak untuk menentukan seorang tahanan akan dibebaskan atau tidak mungkin oleh kerana itu orang tahanan itu disalah tahan dan kalau seorang disalah tahan oleh Menteri semata-mata atas alasan politik, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memang tidak mengakui salah tahan. Oleh kerana itu soalan saya ialah macam mana negara kita

hendak mencegah seorang Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya jangan salah tahan seseorang?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi perjalanan tugas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bertanggungjawab kepada Kerajaan dan Kerajaan bertanggungjawab kepada rakyat. Jadi apabila Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjalankan tugas dari segi hak-haknya di bawah peruntukan perundangan yang ada ini dia tentulah sedaya upaya cuba mengelakkan kemungkinan salah tahan ataupun salah tangkap ataupun menyalahgunakan kuasa yang diberi kepadanya itu untuk kepentingannya sendiri ataupun untuk kepentingan politik yang tertentu. Ini jelas boleh kita pastikan apabila kita melihat peruntukan-peruntukan yang wujud di dalam peraturan yang kita bincangkan ini dengan wujudnya satu Badan Penasihat seperti saya sebutkan tadi, dengan wujudnya sistem memberi peluang kepada tiap-tiap seorang tahanan 6 bulan sekali sama dengan peguamnya sendiri juga untuk menyampaikan rayuan ataupun untuk memberi hujah-hujah mereka kepada Badan Penasihat itu. Saya fikir sistem ini cukup untuk mengelakkan kemungkinan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentu setuju dengan saya bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah satu akta yang sungguh adil dan berguna untuk kepentingan negara di mana ramai penduduknya berbilang bangsa dan kita hidup dalam aman dan damai. Soalan saya, bolehkah Akta ini dinamakan Akta Dalam Negeri jika ianya boleh dibicarakan di dalam mahkamah ataupun open court dan adakah Kerajaan menghalang mereka yang dalam tahanan di bawah Akta ini supaya boleh bertanding ataupun memberi pendapat ataupun membawa lawyer di dalam mana-mana siasatan yang diperlukan dan adakah kemungkinan orang-orang yang baru dibebaskan oleh Akta ini ditangkap semula dan apakah kesalahan-kesalahan kalau dia boleh ditangkap semula?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana nampaknya tendency Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya panjang-panjang, kadang-kadang tidak dapat dijawab dengan tepat, jadi saya cuba menjawabnya satu persatu.

Tuan Yang di-Pertua: Ada tiga bahagian.

Dato' Musa Hitam: Yang pertama itu saya bersetujulah dengan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan Akta ini sebenarnya untuk menentukan keadilan; ini terkandung di dalam jawapan saya. Yang kedua, dari segi kemungkinan ataupun boleh atau tidak seseorang itu bertanding, jawapannya boleh. Dan yang ketiga, dari segi seseorang itu setelah dilepaskan sama ada boleh ditangkap; sekali lagi jawabnya juga boleh.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, soalan tambahan. Semenjak tahun 1960 ketika Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ada dalam undang-undang kita, tujuan ISA adalah digunakan atas anasir-anasir subversif. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar Akta ini ada digunakan atas penjenayah-penjenayah yang tidak ada apa-apa subversive element dalam kes-kes selepas tahun 1975. Jikalau ya, apakah sebab-sebabnya untuk menggunakan Akta ini untuk tujuan yang lain ke atas orang-orang ini?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tiap-tiap seorang yang ditahan di bawah Akta ini ditahan di atas asas-asas keselamatan. Jadi tidak ada wujud kes-kes seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu setahu saya mengikut rekod yang ada di hadapan saya sekarang.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi ada menjadikan wujudnya Badan Penasihat itu sebagai alasan yang penting bagi membuktikan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri itu sebagai akta yang adil kerana ia memberi peluang kepada orang-orang yang ditahan itu untuk mengemukakan kesnya tetapi adakah beliau sedar bahawa wujudnya Badan Penasihat itu tidaklah begitu mempunyai makna yang berkesan dari segi keadilan kerana perakuan-perakuannya tidak

semestinya dipatuhi oleh Kerajaan di dalam menimbangkan sesuatu kes itu.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi keadilan saya suka menegaskan sekali lagi punca keadilan ada. Dari segi kuasa yang diberi kepada Menteri ataupun Kerajaan sama ada hendak mengikut atau tidak nasihat yang diberi oleh Badan Penasihat ini, ini memang terkandung di dalam Perlembagaan tertubuhnya Badan Penasihat ini seperti saya sebutkan di bawah Perkara 151. Jadi sama ada ianya berkesan atau tidak, sama ada ia adil atau tidak, sebab ianya berasas kepada Perlembagaan, Perlembagaan juga telah mengambil kira kepentingan negara pada keseluruhannya, jadi dalam bahasa Inggeris menyatakan: It is a matter of opinion, dari segi pelaksanaannya adil atau tidak tetapi pada pendapat Kerajaan setakat ini pelaksanaannya adil.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan, dalam penjelasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi oleh kerana salah seorang Ahli Pembangkang yang meragui bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri ini mungkin disalahgunakan sehingga salah tangkap. Soalan saya ialah saya ingin mendapat penjelasan sama ada Kerajaan selama ia pernah menyalah tangkap?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri wujudnya Akta Keselamatan Dalam Negeri ini ialah kerana tujuan asalnya untuk menjaga negeri kita ini supaya jangan diporak-perandakan oleh pihak-pihak yang tertentu seperti subversive element dan sebagainya. Oleh kerana memikirkan sekarang ini Menteri-menteri, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri pun pernah menyatakan yang negara kita sekarang ini cukup selamat, aman, damai, makmur dan segala-segalanya, jadi soalan saya adakah kalau dahulu berkehendak sangat atau mesti sangat mengadakan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini tetapi mengikut keadaan sekarang ini tujuan asal itu sudah tidak ada. Oleh kerana tidak ada,

adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini?

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan itu telah dijawab mula-mula tadi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mengatakan Kerajaan tidak berhajat hendak menghapuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memegang jawatan sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, beliau dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata bahawa setiap kes di bawah ISA akan diulang kaji. Tetapi semenjak kebebasan 21 orang tahanan pada 31hb Julai nampaknya tiada apa-apa perkembangan. Selain daripada 21 orang yang sudah dibebaskan, adakah kes orang-orang yang masih di dalam tahanan di bawah ISA dapat direview dan apakah kemajuan dari review ini? Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa baru-baru ini badan yang dihadihkan Nobel Peace Prize iaitu Amnesty International telah melancarkan satu minggu 'Prisoners of Conscience' di mana antara 16 orang yang dipilih untuk mewakili beribu-ribu orang yang ada dalam tahanan ialah seorang tahanan dalam ISA iaitu Tan Kok Kim bekas Setiausaha Agong Parti Buruh? Adakah pihak Kerajaan akan menimbang sebagai langkah pertama untuk membebaskan mereka yang sudah ditahan lebih daripada 4 tahun untuk memulihkan rekod hak asasi Malaysia di dalam dan di luar negeri?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, proses review dijalankan semasa. Tiap-tiap seorang yang ada di dalam tahanan tiap-tiap 6 bulan diberi peluang dan dipanggil, itu yang pertama. Jadi hasil daripada proses review ini maka dibuat perakuan kepada Kerajaan.

Yang kedua, tidak benar kalau dikatakan selepas 21 orang dilepaskan daripada tahanan ISA, tiada lagi. Saya fikir barangkali setengah daripada ahli Pembangkang tahu sekurang-kurang ada seorang daripada sahabat mereka atau yang ada kena mengena dengan mereka yang telah juga dilepaskan selain daripada 21 orang itu dan proses pelepasan juga dijalankan semasa, cuma kadangkala ada kes

yang besar-besar yang ada terpampang dalam akhbar-akhbar kerana nama orang itu.

Yang ketiga, saya sedar bahawa Amnesty International memang telah mengangkat seorang daripada tahanan sebagai anak angkatnya (prisoner of conscience) tetapi, I stand to be corrected, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya yang ditahan berkenaan ini sebenarnya merupakan seorang yang tidak mahu langsung menghadapi Penal Penasihat ini dan oleh sebab itu tidak dapat direview keadaannya. Ini saya katakan sebagai satu daripada kes yang saya tahu, barangkali bukan orang yang berkenaan yang disebutkan tetapi satu daripada kes ini ialah seorang yang tidak mahu langsung.

Yang keempat, dari segi Amnesty International saya tahu tiap-tiap kali seseorang ditahan di bawah ISA kita dapat bertalu-talu surat-surat atau telegram-telegram protes. Tetapi suka saya menyatakan di sini bahawa protes ini datang daripada negara-negara Barat, negara-negara yang memanggil dirinya maju, negara-negara yang memanggil dirinya demokratik tetapi suka saya menyatakan bahawa premise, asas anggapan demokratik mereka itu berbeza sangat dengan apa yang kita faham sebagai prinsip demokrasi di dalam suasana negara kita ini.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan ini ada menyentuh masalah hak-hak asasi manusia. Saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat sama ada sedar ataupun tidak bahawa hak-hak asasi manusia ini dicabuli di mana-mana sahaja di dalam dunia ini, misalnya di Afrika Selatan dengan dasar apartheidnya, di Palestine dan juga di Kampuchea dan lain-lain lagi. Juga saya ingin tahu sama ada Yang Amat Berhormat bersetuju bahawa hak asasi manusia di negara kita ini adalah begitu terjamin kalau hendak dibanding dengan tempat-tempat yang saya sebutkan tadi?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, konsep hak asasi yang dianuti oleh Kerajaan Barisan Nasional ialah lebih menekankan kepentingan kehidupan rakyat jelata, kebebasan mereka untuk hidup dengan sempurna dan kebebasan mereka untuk diberi peluang memajukan diri mereka, hidup dalam bahagia, aman dan tenteram. Ini hak asasi

yang sangat penting kepada manusia dan hak asasi inilah yang dijagai oleh Kerajaan dengan begitu rapi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya membenarkan dua orang sahaja lagi.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penasihat itu saya pun tidak tahu kuasanya tetapi saya dengar dia tidak boleh menjatuh hukuman atau recommendationnya Menteri boleh tolak. Sebab itu kadangkadangkang Badan ini ada recommend untuk dilepaskan orang tahanan tetapi Kerajaan boleh tolak. Bolehkah Kerajaan ubah Perlembagaan Penasihat ini dan gunakan Hakim Mahkamah Tinggi, bukan seorang tetapi tiga orang, yang tiga bulan sekali mendengar kes-kes review, dan bolehkah apa yang direcommendnya Kerajaan menerima?

Kedua, Undang-undang Darurat di Malaysia telah diadakan dari tahun 1948. Semasa merdeka Kerajaan berjanji pada rakyat, bila dapat merdeka boleh tarik balik Undang-undang Darurat. Tetapi pada tahun 1960 Kerajaan sekali lagi berkuatkuasa Undang-undang ini fasal negara kita ada anasir-anasir jahat. Tetapi sampai sekarang, tahun 1981, kita tidak tahu berapa lamakah Kerajaan hendak memakai Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri, sebab dengan memakai Undang-undang ini saya lihat parti-parti politik, Parti Pembangkang banyak kena tahan dan ini adalah satu undang-undang di mana semua orang menunjukkan kalau seorang ada suara yang besar dia kata, mahu masuk dalam di bawah Undang-undang ISA. Kerana inilah banyak orang dalam negara kita takut campur politik. Bolehkah Kerajaan beri tahu Dewan ini bila Kerajaan mahu hapuskan undang-undang ini?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, selagi Kerajaan berpendapat bahawa ada anasir-anasir yang mengancam hendak menggunakan kekerasan mengguling Kerajaan dan juga hendak mengancam ketenteraman negara untuk mewujudkan keadaan huru-hara seperti saya sebutkan tadi, selagi itu Kerajaan terpaksa bertanggungjawab kepada masyarakat dan rakyat jelata untuk menentukan wujudnya keadaan kesetabilan dan suasana yang aman di dalam negara ini yang bermakna bahawa

apabila didapati keadaan begitu tenat seperti wujud sebenarnya di kalangan masyarakat kita dengan adanya anasir-anasir itu maka undang-undang inilah yang akan mewujudkan keadaan ketenteraman seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hujung daripada soalan ini menunjukkan penyoaal hendak minta memansuhkan Akta tersebut sekiranya benar-benar demokratik, liberal dan adil menunjukkan tidak benar. Sekiranya tuduhan ini dibawa ke hadapan khalayak ramai, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh menangkap orang yang berkata demikian di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tangkap, kita tahan dan kita tahu ini setelah didapati bahawa keadaannya begitu serius. Ini perkara biasa sahaja kepada Parti Pembangkang. Apabila dia bangun dia mesti mengatakan kita ini tidak demokratik, tidak liberal dan tidak adil. Kalau dia kata kita demokratik, liberal dan adil, dia masuk sebelah kita.

PEMAJU PERUMAHAN PALSU

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pemaju perumahan palsu yang sedang disiasat oleh Kementerian sehingga akhir September tahun ini, dengan memberikan pecahan angka menurut setiap negeri dan berapakah jumlah wang, secara kasar, yang telah dikutip oleh pemaju-pemaju ini berupa bayaran tempahan pendaftaran dan lain-lain bentuk bayaran untuk projek palsu mereka;
- (b) daripada jumlah pemaju-pemaju palsu yang sedang disiasat setakat hari ini, berapakah jumlah tangkapan yang dibuat dan didakwa di mahkamah dengan memberikan pecahan angka bagi setiap negara; dan
- (c) adakah Menteri sedar bahawa penguatkuasaan undang-undang yang lemah dan tidak berkesan adalah sebab

munculnya pemaju palsu, jika sedar, apakah langkah yang Kementerian ambil bagi memperkuatkan kuatkuasa undang-undang dan mengetatkan lagi perundangan yang ada dengan tujuan untuk melindungi orang ramai daripada menjadi mangsa pemaju-pemaju palsu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

(a) Kementerian saya sedang menyiasat 14 pemaju-pemaju perumahan yang telah menjalankan urusan mereka tanpa lesen, dan pecahan mengikut negeri adalah:

Johor	4
Negeri Sembilan	4
Perak	4
Selangor	1
Wilayah Persekutuan	1

Berhubung dengan jumlah wang bayaran tempahan pendaftaran dan lain-lain bentuk bayaran, Kementerian saya tidak mempunyai maklumat yang lengkap mengenai tiap-tiap pemaju yang tidak berlesen. Bagaimanapun didapati dua pemaju iaitu satu dari Perak dan satu dari Negeri Sembilan telah membuat kutipan berjumlah \$854,683.00.

(b) Setakat ini tuduhan terhadap tujuh syarikat telah disediakan dan dua kes telah dihadapkan ke mahkamah iaitu satu dari Johor dan satu dari Negeri Sembilan. Siasatan ke atas tujuh lagi syarikat hampir siap dan tuduhan-tuduhan akan dibuat dalam sedikit masa lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya suka menambah bahawa pihak Polis telah juga membuat dua tangkapan baru-baru ini dan kedua-dua pemaju tersebut telahpun dihadapkan ke mahkamah dan percaraan telah ditetapkan pada bulan November yang akan datang ini. Kedua-dua pemaju telah bergiat di Wilayah Persekutuan.

(c) Sama ada usaha-usaha penguatkuasaan dapat dijalankan dengan berkesan atau tidak, ini tidaklah tertumpu semata-mata kepada

Pegawai-pegawai Penguatkuasa dan Kementerian saya sahaja melainkan bergantung kerjasama dari orang ramai.

Selama lima tahun yang lalu Kementerian saya sentiasa mengingatkan orang ramai, terutamanya bakal-bakal pembeli rumah supaya waspada dan mendapatkan maklumat-maklumat yang tertentu sebelum membuat apa-apa bayaran kepada pihak pemaju. Mereka telah digesa untuk membuat pertanyaan kepada Kementerian saya ataupun dengan pihak Polis juga mereka mempunyai keraguan tentang sebarang pemaju perumahan.

Adalah sukar bagi pihak manapun untuk menjalankan langkah-langkah preventive bagi mencegah aktiviti-aktiviti jenayah jika mereka tidak mendapat kerjasama dari orang ramai. Walau bagaimanapun, pengawasan dan penguatkuasaan di Kementerian saya akan disusun semula dan diperbesar dari semasa ke semasa untuk memperluaskan lagi langkah-langkah bagi mencegah kegiatan-kegiatan pemaju yang tidak berlesen. Kementerian saya telah juga mewujudkan perhubungan yang rapat dengan pihak Polis dan pihak BSN. Saya harap kedua-dua agensi ini akan dapat menjalankan langkah-langkah yang lebih berkesan bersama dengan Kementerian saya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah tertentu yang telah diambil sehingga hari ini untuk menguatkan Bahagian Penguatkuasa dalam Kementerian bagi tujuan untuk membentasi kegiatan pemaju-pemaju yang palsu.

Yang kedua, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa undang-undang yang wujud sekarang tidak dapat memberi kuasa yang cukup kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa dalam Kementerian untuk membentasi pemaju tanpa lesen. Dan sama ada Kementerian akan mengkaji semula undang-undang iaitu Akta Pemaju Perumahan (Pengawasan dan Perlesenan) dengan tujuan untuk membawa satu pindaan ke Parlimen ini sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bekas Timbalan Menteri.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah yang telah saya perkatakan tadi, pihak Kementerian saya telah menambah Pegawai-pegawai Penguatkuasa selain daripada 10 Pegawai Penguatkuasa yang ditempatkan di bahagian ini di Kementerian saya. Empat daripada jawatan-jawatan yang tersebut telah diwujudkan bagi cawangan-cawangan di Alor Star, Kota Bharu, Johor dan Ipoh. Walau bagaimanapun, oleh sebab pegawai-pegawai yang berkenaan masih belum begitu berpengalaman, maka penempatan mereka di cawangan-cawangan adalah ditangguhkan buat sementara dan mereka ini ditempatkan di Ibu Pejabat Jabatan Perumahan Negara.

Mengenai dengan Akta yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Kementerian saya sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa untuk mengadakan undang-undang ataupun tindakan yang lebih ketat dan buat masa ini saya tidak dapatlah hendak menerangkan bilakah usaha untuk mengkaji semula Akta ini. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak Kementerian memikirkan perlu kita akan kaji Akta yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri iaitu apakah tindakan-tindakan Kerajaan atau dasar Kerajaan terhadap mangsa-mangsa pemaju palsu ini. Kerana apabila mereka dihadapkan ke mahkamah sama ada Kerajaan akan beri pembelaan kepada mereka yang menjadi mangsa-mangsa ini.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi pihak pemaju-pemaju yang tidak berlesen kita akan hadapkan ke mahkamah dan mengikut Seksyen 18 di bawah Akta ini mereka boleh didenda tidak lebih daripada \$20,000 jika sabit kesalahan mereka dan kepada mereka yang menjadi mangsa terpujanglah kepada mahkamah untuk memutuskan sama ada dibayar ganti rugi dan sebagainya. Pihak Kementerian seperti saya katakan tadi sentiasa mengingatkan supaya orang ramai jangan terlampau ghairah untuk hendak mendapatkan rumah melainkan hendaklah

waspada dan meneliti benar-benar sebelum mereka membayar sebarang wang deposit dan sebagainya.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa adanya beberapa kelemahan dalam Akta yang berkenaan termasuk aspek penguatkuasaan. Umpamanya, commercial property yang terdiri daripada bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat ini; Akta yang ada sekarang tidak dapat berkuatkuasa untuk bertindak terhadap pemaju-pemaju yang tidak boleh menyiapkan rumah-rumah mereka dalam tempoh melebihi 4-5 tahun di Melaka. Dan juga adanya pemaju-pemaju yang berlesen tetapi pemaju sudah melarikan diri sehingga projek ini gagal melebihi 4 tahun tetapi Kementerian Perumahan nampaknya tidak mempunyai cukup kuasa untuk memaksa pemaju menyiapkan rumah mereka ataupun menghadapkan mereka ke mahkamah.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pemaju yang berlesen Kementerian saya mempunyai kuasa untuk menjalankan tindakan. Tetapi soal asal ialah mengenai pemaju yang tidak berlesen.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Speaker, soalan tambahan. Sungguhpun banyak aduan telah dibuat kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan oleh orang ramai, orang ramai merasa Kementerian yang berkenaan tidak ambil tindakan yang berkesan atas aduan-aduan mereka. Ada juga berlaku satu dua pemaju perumahan, mereka tubuh satu syarikat dan menipu orang ramai beli rumah-rumah dan mereka tidak menjalankan tugas dan kerja, tutup syarikat itu dan tubuh lain syarikat, tukar nama dan cuba menipu orang ramai. Bolehkah Kerajaan buat satu senarai (black list) pemaju perumahan semacam ini kalau Kerajaan telah siasat dan dapati mereka orang jahat dan orang tidak baik.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tuduhan Yang Berhormat itu tidak benar, kerana Kementerian saya seperti saya katakan tadi sentiasa mengambil perhatian berat atas aduan-aduan orang ramai.

Yang keduanya, saya kurang pasti apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu adakah pemaju yang tidak berlesen atau pemaju yang berlesen. Kalau pemaju yang berlesen seperti saya katakan tadi, kita akan mengambil tindakan dan kalau perlu bukan sahaja kita black listkan tetapi akan mengambil tindakan mahkamah semata-mata untuk menjaga kepentingan orang ramai.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi tahu Dewan ini apakah bilangan yang sebenar pemaju yang telah didaftarkan dengan Kementerian dan apakah peratusnya yang telah melakukan kesalahan ataupun yang disyaki melakukan kesalahan itu.

Dato Abdul Jalal bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kerana soalan itu berkehendakkan bilangan, saya minta notis.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan supaya rakyat jangan berghairah untuk mendapatkan rumah. Saya ingin bertanya kepada beliau, adakah beliau sedar bahawa keghairahan itu mesti berlaku kerana keperluan perumahan tidak seimbang dengan bekalan perumahan.

Kedua, tentang kerjasama, saya ingin bertanya kepada beliau, apakah langkah kemudahan yang dibuat oleh Kementerian terhadap aduan rakyat dan response Kementerian. Ketiga. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Dua itu cukuplah.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Memanglah keperluan rumah belum mencukupi maka sebab itulah dalam Rancangan Malaysia Keempat ini kita menjangka akan mendirikan lebih kurang 923,000 buah unit rumah yang terdiri daripada rumah kos tinggi, kos sederhana dan rumah kos rendah. Dan dari segi rumah kos rendah, kita bercadang akan mendirikan sebanyak 276,000 unit rumah di mana pihak sektor awam Kerajaan akan mendirikan sebanyak 186,000 dan pihak swasta mendirikan 90,000 unit rumah yang mana rumah-rumah ini akan dibeli oleh

Kerajaan melalui MBSB dan kita bagikan kepada rakyat.

Yang kedua, memanglah Kementerian saya melalui Jabatan Pembangunan Negara mengambil perhatian berat di atas segala aduan keperluan rakyat mengenai dengan perumahan ini.

WARGANEGARA ASING MEMILIKI KILANG PERUSAHAAN

3. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar terdapat banyak warganegara-warganegara asing memiliki kilang-kilang perusahaan dan Estate-estate Getah/Kelapa Sawit di negara ini, dan jika ya, sejauh manakah bantuan-bantuan yang diberi oleh mereka terhadap Pembangunan negara seperti institusi-institusi pelajaran, rumah-rumah kebajikan dan lain-lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, strategi perindustrian kita adalah untuk menarik pelaburan asing ke dalam sektor perindustrian. Pelaburan asing adalah diperlukan, sebab rangkaian pasaran eksport yang giat dan juga kerana kesediaan pengetahuan teknik. Pelaburan asing selalunya digalakkan pada asas usaha sama. Walau bagaimana pun, dalam meluluskan pelaburan asing, objektif Kerajaan seperti di dalam rancangan perspektif ada diingatkan.

Pelaburan asing secara keseluruhannya ialah 30%. Sebahagian besar dari pemegang saham-saham asing di dalam estet-estet getah, kelapa sawit adalah akibat pembangunan sejarah. Walau bagaimanapun, coraknya berubah sekarang. Rakyat Malaysia sekarang beransur-ansur memiliki ekuiti syarikat-syarikat di sektor ini. Tidak ada maklumat penuh mengenai setakat mana bantuan diberikan oleh syarikat-syarikat asing kepada institusi-institusi pelajaran, rumah kebajikan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sebahagian dari firma-firma asing lebih menyedari tentang tanggungjawab sosial dan telah membuat sumbangan-sumbangan bagi biasiswa-basiswa dan aktiviti-aktiviti sukan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang

Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa untuk membantu pembangunan negara seperti institusi pelajaran, rumah-rumah kebajikan dan lain-lain lagi bahawa melaksanakan kebajikan kepada pekerja-pekerja yang terdiri warganegara Malaysia dengan sempurna seperti tempat tinggal, rumah ibadat, klinik perubatan dan sebagainya ini adalah sebagai bantuan kepada negara. Adakah Yang Berhormat sedar perkara ini telah dijalankan oleh pemilik-pemilik kilang perusahaan warganegara asing, sama ada dilaksanakan atau tidak. Kalau tidak, apakah tindakan Kerajaan pada masa akan datang?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu soalan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kerajaan menerima maklumat secara rasmi bahawa pelabur-pelabur British dan peniaga-peniaga British akan membuat sumbangan untuk mengadakan satu tabung bernilai satu juta ringgit untuk menolong pelajar-pelajar kita di United Kingdom selepas perkembangan baharu-baharu ini.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan sama ada Kerajaan sedar, begitu?

Tuan Lim Kit Siang: Adakah dapat maklumat yang rasmi, dan kalau ada, apakah perkembangan sudah berlaku. Dalam saranan ini mengatakan satu tabung bernilai satu juta ringgit oleh pelabur-pelabur British baharu-baharu ini.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu tidak ada maklumat rasmi.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi bahawa salah satu daripada dasar Kerajaan menggalakkan pemodal-pemodal asing untuk menanam modal di sini ialah pemindahan teknologi. Tetapi apakah sampai sekarang ini Kerajaan berpuas hati tentang sumbangan firma-firma asing ini di alam pemindahan teknologi. Saya mengambil contoh sama ada sekarang ini kalau sekiranya setelah kita berpuluh-puluh tahun mereka membina kilang di sini, sama

ada pada masa sekarang di dalam bidang eletronik misalnya, kita boleh bergantung di atas kaki sendiri di dalam bidang ini hasil daripada pemindahan teknologi dari firma-firma asing. Yang kedua

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah itu. Saya benarkan satu sahaja soalan tambahan mengikut peraturan mesyuarat, sekadarkan ada berhubung dengannya, ada kaitan sedikit atas soalan tambahan kepada tambahan itu tidak apalah, tetapi kalau sudah merupakan dua soalan, tidak boleh. Jemput Yang Berhormat menjawab.

Dato Abdullah bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang ini Kerajaan berpuas hati di dalam bidang pemindahan teknologi seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tentang boleh atau tidak orang kita berdiri di atas kaki sendiri itu terpulunglah kepada jenis perusahaan.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa beliau tidak begitu tahu tentang sama ada sumbangan telah dibuat oleh warganegara-warganegara asing, syarikat-syarikat atau individu-individu terhadap pembangunan negara seperti institusi pelajaran.

Saya ingin mendapat tahu sama ada pihak Kerajaan pernah menimbang supaya syarikat-syarikat asing membuat sumbangan terhadap pembangunan negara, khususnya institusi-institusi pelajaran di mana sebagai contoh pernahkah Kerajaan meminta syarikat-syarikat asing yang memiliki estet-estet getah dan kelapa sawit memberi pengangkutan percuma kepada anak-anak daripada estet itu yang keluar daripada estet untuk belajar, khasnya di bandar-bandar yang berhampiran bagi pelajaran sekolah rendah dan juga menengah.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak memaksa syarikat-syarikat asing membuat sumbangan tetapi dalam setengah-setengah lapangan, galakan ada diberi.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri atau

Kerajaan sedar bahawa masih terdapat lagi setengah-setengah pengusaha-pengusaha asing ini, umpamanya, ladang getah dan kelapa sawit yang memberitahu pekerja-pekerjanya pihak Kerajaan tidak mahu hendak membetulkan jalannya, bekalan air dan apinya sedangkan itu adalah tanggungjawab hak estet itu sendiri. Jika sedar, adakah Kerajaan akan mengarahkan estet-estet seumpama ini supaya memperbaiki keadaan dalam estet itu sendiri.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mana-mana ada kes yang difikirkan tidak mematuhi peraturan, pihak-pihak berkenaan bolehlah melaporkan kepada Jabatan Buruh.

BANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH BANTUAN (CHINA) DI SARAWAK—JUMLAH PERUNTUKAN

4. **Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan bagi membaiki dan membesarkan bangunan Sekolah-sekolah Rendah Bantuan (China) di Sarawak bagi tahun 1981.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1981 Kementerian Pelajaran telah memperuntukkan sebanyak \$1,675,000 untuk membaiki Sekolah-sekolah Rendah Bantuan (China) di Sarawak dan sebanyak \$200,000 untuk membesarkan bangunan sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada beliau sedar di Negeri Sarawak seperti di kawasan saya ada banyak Sekolah-sekolah Rendah Bantuan (China) dan bangunan sekolahnya telah lama buruk dan berbahaya meskipun mereka meminta bantuan 50% daripada Kerajaan untuk membina bangunan sekolah baru telah selama beberapa tahun tetapi masih belum dapat keizinan. Jika ya, apakah langkah-langkah akan diambil.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kawasan Ahli Yang Berhormat itu ada buat permohonan bagi pihak beberapa buah sekolah dalam kawasan

beliau dan oleh kerana cuma tahun ini sahaja kita mengasingkan daripada memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana pada tahun-tahun yang lepas pada keseluruhannya peruntukan-peruntukan itu telah dimasukkan dalam Kumpulanwang Untuk Bangunan Sekolah-sekolah untuk Negeri Sarawak. Jadi buat permulaan tahun ini sungguhpun peruntukan ini tidak berapa besar tetapi permintaan-permintaan daripada kawasan-kawasan masing-masing kita akan berikan pertimbangan bila kita mengadakan satu peruntukan yang besar untuk tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, kebanyakan bangunan-bangunan Rendah Bantuan (China) sudah wujud dan terlalu buruk dan tidak mencukupi untuk keperluan murid-murid yang kian bertambah, khususnya di kampung baru. Maka apakah rancangan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memperbaiki dan membesarkan sekolah-sekolah itu di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Sekolah Rendah Bantuan di mana?

Tuan Chan Kok Kit: Di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ini cerita Sarawak sahaja. Soal asal di Sarawak, kalau ada di Sarawak bolehlah.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran memberitahu apakah dasar tentang pemberian bantuan bagi pembinaan Sekolah-sekolah Rendah China di Sarawak, sama ada ianya 100% kos pembinaan bagi Sekolah-sekolah China di Negeri Sarawak di beri oleh Kementerian Pelajaran ataupun hanya satu kadar peratus sahaja yang diberi dan yang bakinya dikehendaki diketip oleh sekolah-sekolah berkenaan daripada orang ramai atau sumber-sumber lain.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Akta Pelajaran kita cuma dipanjangkan kepada Negeri Sarawak pada tahun 1976, jadi untuk peringkat permulaan, dari segi pembangunan tentulah kita dari peringkat-peringkat untuk menyerapkan supaya keadaan di Negeri Sarawak akan dapat

bersamaan dengan Semenanjung Malaysia. Oleh sebab itu kita dari segi pembangunan juga mengikuti apa yang kita telah praktikkan di Semenanjung Malaysia akan dapat dipanjangkan kepada Negeri Sarawak. Ini bermakna jikalau hakmilik tanah tapak sekolah itu bukan dipunyai oleh Kerajaan, kita cuma dapat memberikan selebih-lebihnya peruntukan untuk pembangunan sekolah jenis bantuan mudah ini cuma setinggi-tingginya 50%, jadi sebahagian daripada itu akan dapat disampaikan kepada pihak sekolah sendiri. Jikalau tanah itu ialah hakmilik Kerajaan, 100% akan dapat ditanggung oleh Kerajaan, iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

PEJABAT POS BARU DI TELUK ANSON

5. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan bercadang supaya membina sebuah pejabat pos baru bagi Teluk Anson.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum bercadang untuk membina sebuah Pejabat Pos baru di Teluk Anson oleh kerana keutamaan bagi menggantikan Pejabat-pejabat Pos lama di tempat-tempat lain adalah lebih tinggi. Bagaimanapun, Kementerian saya akan mempertimbangkan cadangan itu di bawah kaji semula Rancangan Malaysia Keempat kelak.

KONSEP "SAEMUAL VILLAGE REHABILITATION"

6. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengenalkan konsep "Saemual Village Rehabilitation" Korea Selatan di Malaysia, jika ya, bagaimanakah konsep seumpama itu akan diterima dan dilaksanakan.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sama ada melalui Jabatan atau agensinya dan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sentiasa memerhati konsep-konsep pembangunan luar bandar yang diamal di

negara-negara lain untuk mengesan aspek-aspek yang boleh diterapkan ke dalam usaha pembangunan luar bandar di negara kita sendiri.

Salah satu dari konsep pembangunan desa yang berjaya di dunia ialah yang diamalkan di Korea Selatan dan diberi nama di dalam bahasa Korea sebagai "Saemual Undong", yang bermakna "Gerakan Pembaharuan Masyarakat atau Gerakan Masyarakat Baru". Tujuan Gerakan Saemual Undong ini ialah untuk meninggikan taraf penghidupan masyarakat dengan melengkapkan mereka dengan etika bekerja yang lebih baik dan mengasuh mereka supaya rajin, amanah dan mempunyai semangat berdikari dan gotong-royong. Gerakan Saemual Undong sekarang ini sudah menular ke kota-kota di Korea Selatan.

Slogan Saemual Undong ialah gigih, berdikari dan gotong-royong. Oleh kerana semangat berdikari dan gotong-royong sememangnya sudah menjadi sebahagian dari kebudayaan kita, maka usaha memupuk semangat ini bukanlah satu usaha yang asing dalam hidup kita dan usaha ini tidak sukar untuk diterima oleh masyarakat Malaysia, lebih-lebih lagi di luar bandar. Pihak Kementerian sungguh berminat dengan konsep Saemual Undong ini kerana ianya hampir sama dengan konsep pembangunan negara kita dan mengesahkan betulnya strategi pembangunan yang diamalkan oleh Kerajaan selama ini. Apa yang berbeza ialah cara perlaksanaannya. Walau bagaimanapun, memandang kepada latarbelakang sejarah keadaan politik semasa dan corak masyarakat Korea perancangan dan pelaksanaan sesuatu program tidaklah sesusah sesuatu perancangan dan pelaksanaan bagi program yang sama di dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Di bawah konsep Saemual Undong Kerajaan Korea Selatan telah membekal untuk rakyat jalan-jalan luar bandar, elektrik luar bandar, air luar bandar, balairaya dan membaiki rumah yang sudah uzur.

Dari sejak Malaysia merdeka hingga sekarang walaupun sebelum projek Saemual Undong dilancarkan di Korea Selatan, Kerajaan Malaysia telah mengadakan dasar perancangan dan pelaksanaan sehingga

terjalannya rangkaian jalan-jalan di luar bandar, bekalan elektrik dan air ke luar bandar dan mengadakan balairaya merata-rata. Kerajaan juga telah melancarkan rancangan pemulihan kampung untuk membaiki keadaan rumah-rumah yang dhaif. Karyaneka sebagai satu usaha mengembelingkan bakat di perdesaan untuk menambah pendapat penduduk-penduduk luar bandar. Apabila pihak Kerajaan menyebut contoh Saemual Undong dalam perbincangan mengenai pembangunan luar bandar, ianya disebut hanya dari segi contoh cara pelaksanaan dan bukan dari segi konsep pembangunan baru bagi negara.

Kerajaan telah menyusun sebuah kampung bernama Kampung Asam Jawa di Kedah sebagai contoh cubaan bagi cara pelaksanaan baru. Ianya didapati berjaya dan Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri sedang dalam peringkat terakhir menggubal cara pelaksanaan baru ini.

Di kampung-kampung tersusun ini kelak pihak Kerajaan akan mengadakan industri-industri kecil sebagaimana yang ada di kampung-kampung Saemual Undong di Korea Selatan. Sementara di dalam kampung Saemual Undong di Korea Selatan satu cara telahpun dikemudiannya perlu digubal untuk mengumpul dan menggerakkan modal dari petani yang taraf hidupnya sudah meningkat di negara kita pula mechanism ini sudahpun sedia ada dengan adanya kemudahan menubuh koperasi-koperasi dan penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji sejak 8hb Ogos, 1968 dan Amanah Saham Nasional yang dilancarkan baru-baru ini. Apa yang perlu bukanlah mencari konsep baru untuk membangun masyarakat tetapi mencari cara pelaksanaan baru. Cara pelaksanaan ini memerlukan masyarakat yang berdisiplin dan bersemangat untuk bekerja dan kita perlu menghidupkan semangat ini dan semangat ini ingin berdikari dan bergotong-royong. Kerajaan sedang berusaha ke arah ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada sehingga hari ini Kerajaan kita ada mengundang pemimpin-pemimpin dari Saemual Undong untuk datang ke negara Malaysia untuk berbincang dan bertukar fikiran dengan pemimpin-pemimpin

tempatan berkenaan dengan pelaksanaan skim atau konsep Saemual Undong.

Tuan Sanusi bin Junid: Sebagaimana pegawai-pegawai kita telah pergi ke Korea Selatan untuk menolong sewaktu konsep Saemual Undong baru dilaksanakan, kita juga mempunyai pegawai-pegawai dari Saemual Undong yang membantu kita untuk memahami konsep ini sama ada di Korea ataupun di negara ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa tumpuan kita untuk memperbaiki kampung-kampung kita adalah dari segi pelaksanaan khususnya dari sikap rakyat. Tetapi Yang Berhormat Menteri mungkin sedar masalah utama dari pelaksanaan adalah mengenai aturan/peraturan Kerajaan yang agak lembab ataupun kurang licin. Jadi, apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mengkaji dan memperbaiki aturan/peraturan Kerajaan yang begitu melambat-lambatkan pelaksanaan projek-projek Kerajaan?

Tuan Sanusi bin Junid: Usaha pertama clock-in system. (*Ketawa*)

BAHASA MALAYSIA DALAM URUSAN KEHAKIMAN

7. **Tuan Ismail bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah hasil dan kesan pelaksanaan jawatankuasa pengkaji dan pelaksanaan Bahasa Malaysia di dalam perundangan dan perjalanan perbicaraan di mahkamah-mahkamah di Malaysia sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada persetujuan yang dicapai dalam mesyuarat Jawatankuasa tersebut pada 21hb September 1981, Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan atas arahan Pemangku Ketua Hakim Negara telah mengeluarkan satu surat pekeliling mengarahkan supaya seberapa yang boleh Bahasa Malaysia digunakan dalam

urusan kehakiman termasuk perbicaraan-perbicaraan di dalam mahkamah. Antara lain pekeliling tersebut mengarahkan supaya:

- (1) semua surat menyurat berhubung dengan urusan pentadbiran kehakiman hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia;
- (2) keterangan saksi-saksi dalam perbicaraan yang dicakapkan dalam bahasa lain dari Bahasa Malaysia diterjemahkan terus ke Bahasa Malaysia;
- (3) Hujjah-hujjah seberapa yang boleh dibuat dalam Bahasa Malaysia;
- (4) Yang di-Pertua dan Majistret diminta menulis alasan-alasan keputusan dalam Bahasa Malaysia;
- (5) Ucapan-ucapan di Majlis-majlis keraian dibuat dalam Bahasa Malaysia;

Arahan ini telahpun berkuatkuasa dan sedang berjalan sekarang. Pihak-pihak berkenaan ada mematuhi dengan arahan ini dengan baik dan memuaskan. Kita akan teliti perkembangan seterusnya.

Selain dari itu Jawatankuasa tersebut juga telah bersetuju supaya menjadikan satu syarat sebelum seseorang itu diterima menjadi peguam bahawa ia mestilah lulus satu ujian Bahasa Malaysia. Cadangan ini akan dikemukakan kepada Jumaah Menteri untuk mendapat persetujuan kerana ia melibatkan pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang 1976.

Satu Jawatankuasa Kecil yang dipengerusikan oleh Wakil daripada Dewan Bahasa dan Pustaka telah juga ditubuhkan untuk mengeluarkan buku-buku undang-undang dalam bahasa Malaysia.

Di samping itu Jabatan Peguam Negara bersama-sama Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengeluarkan satu istilah undang-undang yang dikemaskinikan sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 21 adalah diberi di bawah ini*)

BUMIPUTERA DI BIDANG PENGEDARAN BAHAN MAKANAN

8. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat ini jumlah penyertaan Bumiputera (sama ada perseorangan ataupun syarikat) dalam bidang pengedaran bahan-bahan makanan dan binaan dan peratus penyertaan mereka. Apakah langkah-langkah yang diambil lagi menambahkan lagi penyertaan mereka ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31-12-1980 bilangan pengedar-pengedar Bumiputera yang terlibat dalam bahan-bahan makanan adalah seperti berikut:

<i>Bahan Makanan</i>	<i>Bilangan</i>
Gula	39 (7.45%)
Tepung	72 (9.82%)
Susu	163 (14.32%)
<i>Bahan Binaan</i>	<i>Bilangan</i>
Besi	69 (39.20%)
Simen	57 (50.87%)
Cat	43 (11.55%)

Daripada angka tersebut di atas adalah jelas bahawa bagi bahan-bahan binaan seperti besi dan simen, kejayaan yang dicapai setakat ini bolehlah dikatakan memuaskan tetapi untuk bahan-bahan makanan terutama sekali gula dan tepung jumlah penyertaan Bumiputera dalam mengedarkan bahan-bahan ini belum mencapai satu peringkat yang memuaskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini adalah disebabkan gula dan tepung merupakan barang kawalan yang mana harganya adalah ditetapkan dan komisyen yang diperolehi adalah terlalu rendah. Komisyen yang rendah ini telah menyebabkan kurang minat dikalangan pengusaha-pengusaha Bumiputera untuk menceburinya.

Dalam usaha untuk menambahkan lagi penyertaan Bumiputera dalam bidang ini Kementerian sentiasa mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat pengeluar dan utama untuk mengesan peluang-peluang yang ada dan juga untuk menggesa syarikat-syarikat berkenaan melantik pengedar Bumiputera.

Syarikat-syarikat utama juga diminta mengemukakan rancangan bagi perlantikan pengedar-pengedar Bumiputera bagi tahun-tahun akan datang supaya Kementerian dapat mencari syarikat-syarikat Bumiputera yang berpotensi untuk menjadi pengedar. Di mana penglibatan Bumiputera adalah masih rendah, syarikat-syarikat pengeluar/utama bersetuju untuk memberi keutamaan kepada Bumiputera yang layak dan berkemampuan untuk perlantikan-perlantikan baru atau penggantian yang akan dibuat. Di samping itu syarikat pengeluar juga bersetuju untuk menambah volume pengedaran dan membekalkan pesanan-pesanan yang dibuat oleh syarikat-syarikat Bumiputera.

GERAN TANAH TOL DI KAMPUNG- KAMPUNG BARU

9. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada benar Geran Tanah TOL di kampung-kampung baru akan ditukar taraf menjadi tanah tetap bagi pemegang-pemegang tanah itu; jika ya, bila penukaran ini akan dilakukan.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Untuk makluman Yang Berhormat semua perkara berkaitan dengan tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, soal sama ada geran tanah TOL di kampung-kampung baru akan ditukar taraf menjadi tanah tetap adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri masing-masing untuk menimbangkannya. Kementerian saya difahamkan bahawa hampir semua negeri di Semenanjung Malaysia sedang mengambil tindakan untuk menukarkan geran tanah TOL di kampung-kampung baru kepada geran tetap.

KADAR KEMISKINAN DI PULAU PINANG

10. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar meskipun pendapatan per kapita Negeri Pulau Pinang adalah di antara yang paling tinggi sekali di negara ini, namun 29.5% isi rumah di negeri tersebut masih hidup dalam

kemiskinan dan 'incidence' kemiskinan di negeri tersebut adalah lebih tinggi dari Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan dan ini menunjukkan bahawa pembahagian pendapatan di negeri tersebut adalah sangat tidak adil (inequitable); jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kerajaan ingin mengambil untuk:

- (i) mengurangkan 'incidence' kemiskinan di negeri tersebut; dan
- (ii) mewujudkan pembahagian pendapatan yang lebih adil di negeri tersebut.

Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Adalah menjadi Dasar Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan mewujudkan pembahagian pendapatan yang lebih adil bukan sahaja untuk rakyat di Pulau Pinang tetapi untuk negara keseluruhannya. Alhamdulillah, sebagaimana dicatat dalam dokumen Rancangan Malaysia Keempat, usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan telah memperolehi kejayaan dan jelas bahawa faedah-faedah daripada rancangan Kerajaan telah dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat.

Berkenaan negeri Pulau Pinang kadar kemiskinan 29.5% yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah bagi tahun 1976. Adalah dijangkakan bahawa kadar ini telah turun bagi tahun 1980 memandangkan bahawa Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita bagi negeri Pulau Pinang telah bertambah daripada \$1,637 dalam tahun 1976 kepada \$2,357 dalam tahun 1980.

Untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan mewujudkan pembahagian pendapatan yang lebih adil di negeri Pulau Pinang, Kerajaan akan terus mempergiatkan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan seperti rancangan pembangunan pertanian yang disatukan, projek-projek pembangunan perindustrian dan projek-projek yang dapat meninggikan taraf hidup rakyat.

PENERBANGAN MAS KE TRENGGANU

11. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan pener-

bangsan MAS ke Kuala Trengganu yang dibatalkan dalam tahun 1981 dan sebab-sebabnya; dan langkah-langkah untuk memperbaiki mutu perkhidmatan MAS di dalam negeri di masa depan.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Mulai dari bulan Januari, 1981 hingga September, 1981, MAS telah menjadualkan sebanyak 1,180 penerbangan bagi sektor Kuala Lumpur—Kuala Trengganu—Kuala Lumpur. Dari jumlah ini sebanyak 45 penerbangan atau 3.8% sahaja dibatalkan. Sebab-sebab penerbangan tersebut dibatalkan ialah kerana kerosakan pesawat yang mana tidak dapat dielakkan.

Memanglah menjadi dasar MAS untuk sentiasa mempertingkatkan dan memodenkan perkhidmatannya. Ke arah matlamat ini, beberapa rancangan jangka panjang dan jangka pendek sentiasa di kaji dan diperlaksanakan. Hasrat untuk mengadakan perkhidmatan yang cekap dan memuaskan telah mendorong MAS sentiasa mengkaji jenis-jenis pesawat yang lebih sesuai dari segi ekonomi dan keselesaan penumpang-penumpang.

Baru-baru ini MAS telahpun menambah satu lagi pesawat Airbus dan sebuah pesawat B737 pada jumlah pesawat-pesawat yang ada sekarang. MAS juga telah membeli 2 buah pesawat F27 yang baru bagi menggantikan 2 pesawat F27 yang disewa. Keputusan juga telah dibuat untuk menggantikan 2 daripada Britten Norman Islander yang ada dengan pesawat-pesawat yang lebih besar, iaitu yang boleh membawa lebih kurang 20 orang penumpang. Ini telah untuk perkhidmatan luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Mengenai perkhidmatan dalam negeri, MAS telahpun menggunakan pesawat Airbus untuk penerbangan ke Kota Kinabalu dan Pulau Pinang bagi menampung permintaan penumpang-penumpang yang semakin bertambah. MAS juga pernah menggunakan pesawat DC10 ke tempat-tempat itu dalam musim perayaan atau cuti sekolah (peak season). Mulai pada bulan November ini, MAS akan mengadakan perkhidmatan DC10 yang lebih tetap ke Kota Kinabalu, iaitu sebanyak 2 penerbangan seminggu. Selain dari itu, MAS juga akan meningkatkan taraf

perkhidmatan ke Johor Bahru dan ke Kuching dengan penggunaan pesawat Airbus mulai pada bulan April, 1982.

KERJA PENGOREKAN JALAN— TANDA AMARAN

12. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar dalam beberapa kejadian, tugas-tugas Telekom, Pulau Pinang di sepanjang jalannya, kerja-kerjanya adalah separuh diselesaikan dan didapati kekurangan tanda amaran disediakan di tempat-tempat itu, khasnya pada waktu malam yang telah menyebabkan banyak kemalangan dan apa langkah-langkah yang telah diambil.

Datuk Clarence E. Mansul: Saya memang sedar bahawa kerja-kerja pengorekan jalan untuk tujuan memasang sesalur dan menanam kebel-kebel telefon adalah menyusahkan orang ramai, terutama kepada pengguna-pengguna jalanraya. Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan daripada kerja-kerja pemasangan kebel dijalankan oleh kontraktor. Walau bagaimanapun pihak Jabatan Telekom mempunyai peraturan dan syarat-syarat tertentu yang mesti dipatuhi oleh kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pemasangan. Syarat-syarat tersebut adalah:

- (a) Kontraktor tidak boleh memulakan kerja sebelum ia menunjukkan papan-papan tanda amaran, papan-papan sekatan lampu-lampu isyarat penunjuk-rangsang berwarna merah atau kuning, tanda-tanda yang jelas di waktu malam dan lain-lain yang difikirkan perlu dan sesuai oleh Pegawai Penyelia;
- (b) Kontraktor mesti membuka muka jalanraya atau lorong dengan gangguan yang paling minima kepada lalulintas dan orang ramai. Gangguan terhadap muka-jalanraya tidak melebihi separuh daripada lebar muka—jalanraya sebenar yang berturap tar pada satu-satu masa. Segala langkah yang terkeluar daripada syarat-syarat Jabatan Telekom mestilah mengikuti arahan daripada pihak Polis dan arahan Jabatan Pengangkutan Jalan;

- (c) Lampu—Kelip (blinkers) mestilah digunakan oleh kontraktor di antara jam 6.00 petang hingga 7.00 pagi di sekitar tempat kerja. Lampu-lampu tersebut hendaklah ditempatkan di kawasan yang senang dilihat oleh pemandu kenderaan dari jarak jauh diwaktu malam. Lampu-lampu tersebut juga mesti ditempatkan pada jarak yang sesuai tidak melebihi 20 kaki di sepanjang jalan tempat kerja;
- (d) Papan-papan sekatan (barricade) dan papan tanda AWAS mestilah digunakan disepanjang masa dan ditempatkan dengan jarak 20 kaki di sepanjang jalan tempat kerja;
- (e) Lurang-lurang (manhole) yang dikorek dan kerja-kerja terpaksa disambung pada hari berikutnya hendaklah ditutup dengan papan sepenuhnya dan dilingkungi dengan papan tanda.

Untuk memastikan segala peraturan tersebut dipatuhi oleh kontraktor-kontraktor, Pegawai Penyelia dari Jabatan Telekom sentiasa membuat rondaan atau pemeriksaan mengejut ke tempat kerja pada bila-bila masa. Sekiranya didapati kontraktor yang tidak mematuhi syarat, mereka akan diberi amaran.

PENDATANG HARAM VIETNAM— JUMLAH BAKI

13. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah pelarian Vietnam yang ada dalam negeri ini sekarang dan daripadanya berapakah yang baru masuk semenjak pertengahan Jun 1981 serta apakah langkah baru yang akan diambil bagi mengatasi masalah ini.

Dato' Musa Hitam: Untuk makluman Yang Berhormat, baki pendatang-pendatang haram Vietnam yang masih ada di dalam negara ini sehingga 19hb Oktober 1981 ialah sebanyak 10,313 orang. Semenjak pertengahan Jun 1981 sehingga sekarang ini seramai 4,224 pendatang haram Vietnam telah tiba di perairan Malaysia. Sejumlah daripada mereka ditempatkan di kem penempatan sementara pendatang haram Vietnam di Pulau Bidong, Trengganu. Mereka yang telah pun dipilih untuk dipindahkan kenegara ketiga iaitu

seramai 3,705 orang kini ditempatkan di kem transit Sungai Besi Kuala Lumpur. Semenjak penghijrahan pendatang-pendatang haram Vietnam ini dalam tahun 1975 seramai 159,550 orang telah tiba di negara ini. Daripada jumlah ini 151,021 orang telah pun dipindahkan ke negara-negara ketiga.

Oleh kerana proses memindahkan pendatang haram Vietnam ini berjalan dengan baik, di mana jumlah pendatang haram yang dipindahkan ke negara ketiga pada satu-satu bulan lebih besar daripada jumlah yang tiba di negara ini maka tidak ada apa-apa langkah baru yang akan diambil oleh pihak Kerajaan. Kerajaan sentiasa mengawasi keadaan ini dan juga pihak Bangsa-bangsa Bersatu mengenai orang-orang pelarian (UNHCR) telah diminta mempercepatkan lagi proses pemindahan pendatang-pendatang haram Vietnam ini ke negara-negara ketiga.

GULA MENTAH—BEKALAN

14. Datuk Dr Hee Tien Lai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapa banyakkah bekalan gula Malaysia yang terikat kepada perjanjian-perjanjian jangka panjang dan berapa banyak pula yang terdapat di pasaran bebas; dan
- (b) sama ada harga runcit gula di Malaysia dapat dikurangkan lebih lagi memandangkan bahawa harga gula di pasaran dunia telah jatuh lebih kurang 60% dalam jangka masa lebih kurang sepuluh tahun yang lalu. Jika tidak, mengapa.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:

(a) Yang Berhormat tidak menyatakan tahun yang berkenaan tetapi sebagai contoh, bagi tahun 1981, jumlah bekalan gula mentah yang terikat kepada kontrak-kontrak jangka panjang dengan Australia dan Fiji ialah 360,000 tan metrik atau 76.6% daripada keperluan gula mentah dalam negeri yang dianggarkan kira-kira 470,000 tan metrik. Ladang-ladang tebu tempatan membekalkan sebanyak 50,000 tan metrik atau 10.6%. Dengan itu baki sebanyak 60,000 tan metrik atau 12.8% adalah dibeli dari pasaran bebas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah gula mentah yang diimport dari pasaran bebas adalah berdasarkan kepada keperluan negara, pengeluaran dari ladang-ladang tebu tempatan dan bekalan di bawah kontrak-kontrak jangka panjang dengan Australia dan Fiji. Bagi tahun-tahun akan datang, jumlah import dari pasaran bebas dijangka meningkat kerana keperluan negara dianggarkan bertambah manakala bekalan di bawah kontrak-kontrak jangka panjang dengan Australia dan Fiji (yang berakhir pada tahun 1984) tidak berubah dan bekalan dari ladang-ladang tempatan dijangka bertambah sedikit sahaja.

Bagi soalan (b) Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah pun menjawab soalan yang serupa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Ulu Trengganu pada 14hb Oktober, 1981 di Dewan ini. Saya tidak ada apa-apa tambahan.

MENGURANGKAN BIAYA PENGANGKUTAN

15. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan bahawa usaha-usaha yang telah dijalankan bagi mengurangkan biaya pengangkutan yang telah dinaikkan oleh dua konferens bertapak di Amerika Syarikat dan memberi perkhidmatan di Malaysia dan kawasan Selat telah gagal; apakah langkah-langkah beliau mencadangkan hendak mengambil berkaitan dengan kegagalan ini.

Dato' Lee San Choon: Pertanyaan yang hampir sama ini telah pun dijawab oleh saya di Dewan ini semasa menjawab soalan dari Y.B. dari Kuala Kangsar pada 12hb Oktober, 1981 yang lalu. Saya tiada ada apa-apa tambahan.

KAPAL TLDM DARI ITALY— KELEWATAN

16. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah masalah yang timbul atas kelewatan pembekalan empat buah kapal TLDM yang telah dibeli dari Italy baru-baru ini.

Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kontrak untuk membeli empat buah kapal TLDM yang di maksudkan itu telah ditandatangani pada 5hb Januari 1981 di antara Kerajaan Malaysia dengan Intermarine Spa (Italy). Mengikut syarat-syarat dalam kontrak tersebut pihak pembekal dikehendaki membekal kapal-kapal itu dalam tempoh 36 bulan selepas tarikh kontrak ditandatangani. Oleh yang demikian, masalah kelewatan sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dan juga dalam beberapa buah akhbar tempatan baru-baru ini tidak timbul sama sekali kerana kapal-kapal berkenaan masih dalam tahap pembinaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, buat masa ini beberapa orang anggota dari pasukan projek telah berada di La Spezia (Italy) untuk mengawasi pembinaan. Dari lapuran bulanan yang diterima, adalah nyata bahawa projek ini sedang dilaksanakan mengikut jadual.

MASALAH JEMAAH HAJI

17. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan usaha yang lebih berkesan lagi yang akan diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Jemaah Haji pada masa menunaikan Fardhu Haji tiap-tiap tahun.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sentiasa diambil perhatian dan tindakan oleh LUTH bagi mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Jemaah Haji semasa di Malaysia atau di Tanah Suci.

Antara langkah-langkah bagi mengatasi kesulitan antara lain:

- (i) LUTH akan mengadakan Komplek Jemaah Haji di Subang, Bayan Lepas, Pengkalan Chepa, Sinai dan Kota Kinabalu dan mungkin juga di Kuantan dan Kuala Trengganu. Bakal-bakal haji akan diurus kerja untuk check-in seperti pemberian pasport, timbang barang dan peraturan

keselamatan di Komplek itu akan dibawa terus dengan bas ke pesawat. Dengan cara ini diharap lapangan-lapangan terbang tidak akan dibanjiri oleh penghantar-penghantar lagi.

- (ii) Pada tahun ini MAS telah mengadakan Feeder flight dari Pengkalan Chepa, Telaga Batin dan Kuantan untuk membawa bakal-bakal Haji dari Pantai Timur ke Subang dan akan dilaksanakan di masa-masa akan datang.
- (iii) Sekarang ini MAS terpaksa menyewa kapal terbang DC 10 dari syarikat luar negeri tetapi setelah MAS mempunyai pesawat sendiri seperti DC 10 atau Boieng 747 persoalan kenaikan harga tambang mungkin akan dapat dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya.
- (iv) Menambah kakitangan kebajikan dan doktor berkhidmat di Tanah Suci.
- (v) LUTH juga memberi kemudahan kepada bakal haji yang hilang wang meminjam dari tabung Kebajikan setakat 500 rial Saudi (M\$350/=) seorang.

SISTEM PERAKAM WAKTU—KESAN

18. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dengan adanya sistem 'clocking-in' dan 'clock-out', prestasi dan kecekapan pegawai-pegawai Kerajaan sudah bertambah baik apabila dibandingkan dengan keadaan sebelum pengenalan sistem ini, dan jika ya, apakah bukti-bukti yang nyata yang boleh 'back-up' keputusan beliau itu.

Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Soalan yang hampir sama telahpun dijawab pada 12hb Oktober, 1981 yang lalu dan saya tidak bercadang untuk mengulangi lagi.

SISTEM PERAKAM WAKTU—KESAN

19. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan iaitu semenjak sistem Clocking in dan out diperkenalkan dalam perkhidmatan awam, bilangan pegawai-pegawai serta kakitangan Kerajaan yang

dianggap sebagai 'kayu mati' dan 'penumpang' yang telah diberi tindakan tata tertib dan ditamatkan perkhidmatannya dan nyatakan kesan sistem tersebut sekarang dan apakah langkah-langkah yang lebih berkesan dan positif yang akan diambil dengan tujuan untuk mempertingkatkan kecekapan pentadbiran dan perkhidmatan.

Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sistem clocking in dan clocking out itu baru diperkenalkan mulai bulan Ogos/September 1981 dan sedang digunakan atas dasar percubaan. Kajian lengkap sedang dibuat untuk diteliti kesan-kesannya dan masalah yang timbul dalam pelaksanaan sistem itu.

Harus dimaklumkan bahawa sistem ini pada asasnya bertujuan untuk menambah rasa sense of urgency' dan kesedaran waktu antara pegawai-pegawai supaya mereka lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Dengan sendirinya sistem itu tidaklah akan dapat menentukan pegawai-pegawai serta kakitangan yang boleh dianggap sebagai "kayu mati" atau "penumpang". Penilaian begitu harus dibuat berasaskan berbagai-bagai faktor lain seperti tingkatan penghasilan kerja, mutu pekerjaan, sebarang pelanggaran tatatertib berhubung dengan pekerjaan seluruhnya, penilaian kecekapan pada tiap-tiap tahun dan sebagainya. Oleh yang demikian, sistem punch clock itu tidak boleh dijadikan asas tunggal untuk tujuan tersebut. Kerana itu juga tidaklah ada pegawai atau kakitangan kerajaan yang telah ditamatkan perkhidmatannya atau dibuang kerja cuma kerana lambat datang atau pulang sebelum waktunya. Tindakan tatatertib begitu setakat ini adalah berdasarkan kesalahan atau kelemahan-kelemahan yang lebih besar akibatnya pada kecekapan perkhidmatan awam. Tindakan begitu memang sudah banyak dijalankan.

Keperluan menamatkan perkhidmatan atau membuang kerja kerana perbuatan lambat datang atau membuang waktu kerajaan juga belum timbul. Ini ialah kerana sejak ia dimulakan pegawai dan kakitangan sudah mulai datang ke pejabat dengan begitu awal dan meneruskan kerja hingga lewat pulang. Pegawai-pegawai di pejabat atau agensi kerajaan yang belum menggunakan sistem itu

juga sudah mulai berbuat demikian. Ini adalah satu hasil yang sangat menggalakkan.

Berhubung dengan soalan tentang langkah-langkah yang boleh diambil bagi meninggikan kecekapan pentadbiran saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang sama pada 12-10-81 dalam sesi ini.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI/ANAK SYARIKAT MENGALAMI KERUGIAN

20. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan PKEN (SEDC) dan anak-anak syarikatnya mengalami kerugian yang besar yang berjumlah berjuta-juta ringgit. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap Perbadanan-perbadanan ini dan anak-anak syarikatnya serta terhadap Pengarah-pengarah dan pengurus-pengurusnya yang rasuah.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Menteri Perusahaan Awam itu adalah sedar bahawa terdapat PKEN dan anak-anak syarikat PKEN yang mengalami kerugian. Kerugian PKEN adalah disebabkan oleh kerugian-kerugian yang dialami oleh anak-anak syarikatnya.

Kajian adalah sentiasa dijalankan bagi mengesan sebab-sebab kerugian-kerugian itu berlaku dan untuk menentukan masa hadapan syarikat-syarikat yang mengalami kerugian itu. Sementara itu Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah diarahkan supaya membentuk sistem maklumat masing-masing bagi mengesan perjalanan anak-anak syarikatnya. Langkah-langkah telah diambil melalui Pindaan Akta Pemerbadanan (Kelayakan Pihak Berkuasa Perundangan Negeri) Pindaan (1981) di mana Perbadanan Kemajuan Negeri di masa-masa hadapan tidak lagi dibenarkan membuat sebarang pelaburan kecuali mendapat kelulusan dari Menteri Kewangan terlebih dahulu.

Sekiranya ada bukti-bukti rasuah telah berlaku dalam Perbadanan-Perbadanan maka tindakan sewajarnya akan diambil.

EKSPORT PERKHIDMATAN

21. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan apakah usaha galakan dan kemajuan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan perkapalan, insurans dan eksport ke negeri-negeri lain supaya Malaysia tidak terlalu bergantung kepada perkhidmatan syarikat-syarikat asing yang boleh menyelamatkan foreign exchange kita.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Kerajaan telah mula mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan eksport perkhidmatan, iaitu termasuklah perkhidmatan perkapalan, insurans dan lain-lain perkhidmatan "invisible". Tujuan utama adalah untuk cuba mengurangkan dan mengubah kurangan yang besar ke atas akaun perkhidmatan dan Imbangan Pembayaran.

Satu perkara yang terbesar bagi pembayaran perkhidmatan adalah pembayaran bagi perkhidmatan perkapalan untuk eksport dan import negara kita. Kita banyak bergantung pada perkhidmatan perkapalan asing bagi mengangkut barang-barang kerana Perkhidmatan Perkapalan Nasional kita iaitu MISC masih merupakan satu perkhidmatan yang baru. Jumlah muatan yang diangkut oleh MISC sekarang berjumlah kira-kira 1 juta tan metrik berat dengan muatan. Kita telah memperuntukan sejumlah \$200 juta dalam RME bagi menambah muatan yang diangkut oleh MISC. Matlamat yang utama adalah untuk menambahkan bilangan kapal-kapal bagi memberi perkhidmatan bagi perdagangan di sekitar pantai-pantai Malaysia dan antarabangsa serta menambahkan kegiatan dalam perkapalan antarabangsa. Tujuan adalah untuk menambah muatan MISC kepada kira-kira 2.5 juta tan metrik berat dengan muatan pada penghujung tempoh RME. Kita juga memberikan perhatian yang berat ke atas latihan bagi rakyat Malaysia untuk memberi perkhidmatan pada perkapalan kita yang kian bertambah muatannya. Satu Jawatankuasa Khas bagi Perkapalan telah ditubuhkan dalam Jabatan Perdana Menteri untuk mengambil langkah-langkah jangka panjang yang lebih berhati-hati bagi perkapalan.

Bersabit dengan perkhidmatan insurans, satu pindaan telah dibuat kepada Akta Insurans 1963, yang menghendaki semua pemilik-pemilik kapal laut atau udara yang didaftarkan di Malaysia, dan juga harta benda yang ditempatkan di Malaysia supaya menginsuranskan harta benda tersebut di Malaysia. Pindaan ini yang telah dikuatkuasakan dalam tahun 1975 dapat mengurangkan penempatan semua klas harta benda secara langsung di seberang laut. Pengecualian-pengecualian untuk menginsuranskan di seberang laut diberikan untuk risiko-risiko yang khusus sahaja.

Dalam Belanjawan Tahun 1980, cukai yang dikenakan ke atas keuntungan daripada perniagaan insurans semula yang mengalir masuk ke Malaysia telah dikurangkan daripada 40% kepada 5% sebagai dorongan kepada syarikat-syarikat insurans di Malaysia untuk mengurusniaga perniagaan insurans semula antarabangsa yang lebih banyak dan dengan demikian menyalurkan pertukaran asing ke dalam negara ini.

Syarikat Malaysian National Reinsurance Berhad telah ditubuhkan dalam tahun 1972 untuk meningkatkan lagi "daya penahanan" tempatan. Syarikat ini menerima sebahagian daripada perniagaan insurans semula yang terdapat di seluruh pasaran insurans am yang tertentu dan selain daripada itu mengurusniaga perniagaan insurans semula alirmasuk dari seberang laut. Oleh yang demikian, syarikat ini telah membantu mengekalkan penempatan premium dalam negara ini. Syarikat ini juga mengambil langkah untuk menyelaraskan operasinya dengan tujuan memainkan peranan yang lebih berkesan lagi dalam usaha kita untuk mewujudkan semangat berdikari di sektor insurans.

Penubuhan satu Majlis mengendalikan Malaysian Invisible Trade (COMIT) dalam tahun 1980, menunjukkan perhatian pihak Kerajaan ke atas kurangan dalam akaun perkhidmatan Imbangan Pembayaran. Jawatankuasa ini dijangka akan mengemukakan syor-syor tidak berapa lama lagi untuk mengukuhkan lagi sektor perkhidmatan seperti insurans dan perkapalan dalam usaha untuk meningkatkan

lagi pendapatan perdagangan yang berbentuk "invisible" di negara ini.

Pada waktu yang sama, kita akan juga berusaha dengan lebih giat untuk menggalakkan perdagangan pelancungan dan memajukan lain-lain perkhidmatan berkaitan yang berhubung dengan perdagangan luar kita.

Ahli Yang Berhormat sudah tentu maklum bahawa pembangunan perkhidmatan-perkhidmatan perkapalan, insurans dan lain-lain perkhidmatan adalah merupakan proses jangka panjang yang berterusan. Walau bagaimanapun, kita telah memulakannya dan kita akan mengawal kemajuannya supaya dapat mengurangkan dan akhirnya mengubah pengaliran keluar pertukaran asing kita bagi perkhidmatan-perkhidmatan ini yang terdapat pada masa ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1982

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1982 dan memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1980 DAN 1981)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1980 dan 1981 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT POS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (19hb Oktober, 1981)

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sandakan menyambung ucapannya.

3.38 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it is important that we have efficient mail delivery system as it is the only means of contact with the outside world for the people living in the interiors of Sabah and Sarawak.

In 1979, I asked for the introduction of house to house delivery of mail in Sandakan and in other major towns in Sabah and Sarawak. The Minister of Posts promised that steps will be taken to introduce such a service to all major towns in Sabah and Sarawak. I regret to say that the situation is still the same and no initiative has been taken with regard to this matter although 2 years have passed.

I am told that the reason for not introducing house to house delivery of mail in Sandakan is due to the fact that many of the buildings, roads and streets do not have proper names. The responsibility of providing proper names to streets comes within the power of the local authorities. Mr Speaker, Sir, I am shocked to hear this, as it appears that there is no cooperation among the various government departments. I would like to draw the attention of the Minister of Energy, Telecommunications and Posts that we in Sabah and Sarawak pay the same rates of postage as those in Semenanjung Malaysia and we expect the same type of service, if not more. In this connection, I would also like to point out that the charges on excess weight and overseas mails are raised from time to time and yet mail services in Sabah and Sarawak do not seem to have improved at all.

I call on the Minister of Energy, Telecommunications and Posts to look into this matter urgently and ensure that people in Sabah and Sarawak enjoy the same benefits like any other Malaysian in Semenanjung Malaysia and not to let them feel that they are being discriminated against.

The other point I would like to touch on is with regard to the express mail sent from Sabah to Kuala Lumpur. On many occasions I posted 2 similar letters on the same date at the same time to the same place; that is from Sandakan to Petaling Jaya, one by ordinary mail and the other by express mail. The letter sent by ordinary mail always reaches its destination 2 or 3 days earlier than the express mail. Mr Speaker, Sir, since the rakyat are made to pay more for express mail, they expect faster and more efficient service. In Sabah and Sarawak, express mail service is even worse. There is always a long delay in the despatch of express mail mainly because post boxes, mail bags and mail counter services are the only means of mail services in almost all the towns. I urge the Minister to take immediate steps to improve this situation.

Mr Speaker, Sir, I have been informed that many 2nd class stapled mails hardly reach their destination, mainly because the use of staples on 2nd class mails are now banned by the postal authorities on the ground that staples damage the rollers in the cancelling machines. Mr Speaker, Sir, I do appreciate the problems faced by the Postal Department. However, since this is a new ruling, the public are not fully aware of this new ruling due to insufficient publicity. I suggest that the public be informed of this new ruling and in the meanwhile all letters, bulletins, etc. that have already been posted be sent to their respective destinations.

Mr Speaker, Sir, three years back the Parcel Department in Sandakan was destroyed by fire. Over one million dollars worth of parcels including parcels that contained valuable Rolex watches were destroyed in the fire. Perhaps, this is the first case of a Parcel Department being razed to the ground in the country. The Police were called in to carry out investigations. Several staff of the Parcel Department were interrogated and their

homes searched. To the surprise of the Police, articles which were reported lost were found in an officers's house. He was detained pending further investigations. This was reported in the local papers. The question that arises is why weren't the people affected compensated for their losses, and an even more serious one, why wasn't the postal officer in whose house the parcels were found charged in court? Is it true that the matter was hushed up because of political pressure exerted. The Minister clearly owes this House an explanation on this matter. I also hope the Minister concerned would instruct the postal authorities to compensate immediately all those who lost their parcels during the fire.

Mr Speaker, Sir, at present banks, commercial organisations and legal firms do not send their documents through the post but through the courier service, because they do not have confidence in the postal services. As a result, the postal department is losing a considerable amount of revenue. I call on the Minister to instruct the postal authorities to buck-up and improve their services in order to regain the confidence of the organisations mentioned hereof.

Mr Speaker, Sir, this Bill also seeks to amend the titles of office of certain posts in the postal department to conform with any written law. In this connection, I wish to raise the case of postal officers who have been acting in their posts for years and have not been confirmed in their posts yet. The practice of appointing officers to act indefinitely in their posts for years is grossly unfair. It creates frustration and resentment. I call on the Minister to look into this matter with a view to confirm those officers who have been acting for a long period of time in their posts. This will, undoubtedly, help boost their morale and productivity.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

3.45 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk bercakap sepatah dua dalam menyokong Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) 1981 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri semalam.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan Akta ini ialah untuk meminda perenggan (d) seksyen 3 Akta untuk memperluaskan hal keadaan dalam mana barang pos hendaklah disifatkan sebagai terserah kepada si di alamat. Fasal 3 mengandungi pindaan kepada seksyen-kecil (2) seksyen 24 Akta yang akan membolehkan kaedah-kaedah dibuat menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana premis supaya mengadakan peti untuk dimasukkan barang-barang pos yang mempunyai alamat premis itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab bandar-bandar kita sekarang ini membangun begitu pesat dan kebanyakan rumah tempat tinggal telah dibuat bertingkat-tingkat yakni rumah pangsa maka akta ini perlu dibuat pindaan dan membolehkan pihak Jabatan Pos menjalankan urusan mereka dengan lebih mudah lagi. Dalam hubungan ini saya mencadangkan supaya pihak Jabatan Pos atau Kementerian yang berkenaan mengadakan satu perundingan dengan Kementerian Perumahan iaitu dalam mana semasa pihak pemaju rumah pangsa hendak mendirikan rumah mereka, pelan-pelan bangunan hendaklah mengandungi di tingkat paling bawah tempat atau kotak di mana boleh diletakkan peti-peti pos. Dengan adanya penyelarasan antara Kementerian Pos dan Kementerian Perumahan ini dapat dilaksanakan tujuan pemindahan Akta ini.

Selain daripada itu, kepada syarikat-syarikat perniagaan yang ditempatkan di rumah yang bertingkat-tingkat saya fikir adalah lebih baik pihak Kementerian Pos mengenakan syarat atau memastikan mereka itu supaya menggunakan perkhidmatan peti surat (post office box), jadi tak payahlah kita mengadakan satu peti ataupun box yang khas untuk posmen menyampaikan surat-surat di bangunan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rakan saya dari Kuala Lumpur Bandar semalan telah mencadangkan supaya posmen-posmen itu diberi perlindungan insurans kerana mereka yang selalu terdedah kepada bahaya semasa mereka menjalankan tugas umpamanya apabila diserang oleh anjing yang garang dan sebagainya. Dalam hubungan ini saya suka

juga mencadangkan selain daripada posmen, kerani-kerani pos dan ketua-ketua pos juga patut dilindungi dengan insurans nyawa kerana mereka itu berurusan selalu mengadakan urusan dengan menerima wang yang begitu banyak tambahan macam sekarang mereka menerima wang Tabung Haji, Bank Simpanan Nasional, lesen radio, bayaran pencen dan juga Amanah Saham Nasional. Ini merupakan kumpulan wang yang banyak yang diterima oleh kerani pos dan ketua pos dan dengan itu mendedahkan mereka kepada kemungkinan ancaman daripada penyamun atau perompak yang akan memaksa atau mengancam nyawa mereka. Jadi dalam hubungan ini untuk kepentingan keselamatan kakitangan macam kerani dan ketua pos patutlah Kerajaan menimbangkan kemungkinan mereka itu dilindungi oleh polisi insurans nyawa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu oleh sebab Pejabat Pos sekarang ini bukan sahaja mengendalikan satu kerja tetapi berbagai-bagai kerja, sebagaimana yang saya sebutkan tadi seperti menerima Amanah Saham Nasional, Bank Simpanan Nasional, Lesen Radio dan sebagainya, maka saya dapati di beberapa tempat bangunan Pejabat Pos ini masih bangunan lama. Sebagai contoh di tempat saya sendiri, bangunan Pejabat Pos itu didirikan pada tahun tiga puluhan. Tidak sesuai lagi dengan pertambahan penduduk yang begitu banyak, dan pernah saya nyatakan perkara ini kepada pihak yang berkenaan, jawapan yang saya terima mengatakan bahawa pihak Kerajaan telah membuat satu dasar keutamaan yang rendah diberikan kepada bangunan Pejabat Pos dalam kehidupan hari-hari masyarakat kita hari ini, saya harap pihak Kerajaan akan menimbangkan, terutama Pejabat Pos di kawasan saya sendiri, patutlah diberi bangunan baru. Bangunan itu sekarang sangat kecil dan tempat orang ramai hendak berurus besarnya tak lebih daripada 12' x 6' saiz kawasanya dan ini sangat tidak sesuai dengan pertambahan penduduk Bayan Baru dan kawasan-kawasan di sekitarnya. Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri akan memberi pandangan yang berat dalam hubungan ini dan akan keutamaan yang tinggi dalam membina Pejabat Pos yang baru di kawasan saya itu di Bayan Lepas.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, di bangunan Pejabat Pos ini juga ada quarters yang lama yang tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang. Jadi untuk kepentingan para pekerja yang berkenaan, kita harap kalau tidak dapat diperbesarkan quarters ini diberikan quarters yang lebih sesuai dengan keadaan zaman ini.

Dengan cadangan dan pandangan-pandangan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.55 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, saya suka mengambil bahagian atas perbincangan Rang Undang-undang yang bernama Satu Akta untuk Meminda Akta Pejabat Pos 1947, saya adalah menyokong sepenuhnya 10 bahagian pindaan yang telah dicadangkan, umpamanya, seksyen-seksyen 3, 24, 34, 35 sehingga 94. Tujuan pindaan terhadap seksyen-seksyen yang saya sebutkan tadi sudah sangat jelas yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan semalam. Di sini saya hanya suka membicarakan beberapa aspek masalah yang dibangkitkan dan juga yang saya terima yang ada berkaitan dengan pindaan Akta ini.

Tuan Speaker, memang saya bersetuju bahawa satu pindaan perlu diadakan untuk membolehkan bangunan yang bertingkat-tingkat tingginya diperlengkapkan dengan kemudahan peti-peti surat supaya posmen kita tidak payah lagi turun naik di bangunan-bangunan yang tinggi yang bukan sahaja membazirkan tenaga manusia tetapi juga membazirkan masa. Tetapi ada satu masalah yang mungkin akan timbul ialah siapakah yang akan memperlengkapkan bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat ini yang tidak ada kemudahan peti-peti surat yang ada sekarang, tuannya-tuannya bangunan atau penyewa atau penghuni dalam bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan satu point yang dianggap sangat keliru kerana saya takut nanti bila Rang Undang-undang ini di kuatkuasakan mungkin ini akan menjadi satu perkara yang akan dipertikaikan. Umpamanya, adakah Pejabat

Pos memperlengkapkan semua bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat ini dengan peti-peti surat atau tuannya bangunan atau hanya penyewa atau penghuni masing-masing yang berkenaan. Saya harap bukan sahaja bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat tinggi yang baru ini boleh dikehendaki melalui penguatkuasaan Undang-undang ini untuk memperlengkapkan bangunan itu dengan kemudahan perkhidmatan pos, bukan sahaja kemudahan peti-peti surat dibekalkan, tetapi perkhidmatan pos yang asapun boleh disediakan supaya penghuni-penghuni yang tinggal dalam kawasan perumahan atau bangunan yang tinggi ini bolehlah juga menikmati perkhidmatan pos dekat di kawasan mereka tinggal. Saya juga harap rumah-rumah pangsa yang ada sekarang di seluruh negara kita boleh diperlengkapkan dengan kemudahan-kemudahan peti-peti surat sepertimana yang akan dikehendaki dari penguatkuasaan Rang Undang-undang ini. Ini perlu diwajibkan kepada semua bangunan yang bertingkat-tingkat tinggi bukan sahaja terhadap sektor swasta tetapi juga terhadap bangunan yang dibina oleh baik SEDC atau badan-badan awam. Langkah ini saya adalah menyokong sepenuhnya kerana memang ini sudah jadi satu masalah dan kerumitan bagi pihak pejabat pos.

Point kedua, Tuan Speaker, saya harap kemudahan dan Perkhidmatan pejabat pos ini boleh diperlengkapkan dan dipermodenkan. Memang saya mengakui bahawa ada beberapa kelemahan dalam perkhidmatan pos yang ada sekarang. Umpamanya, di beberapa kawasan kita dapati pejabat pos ini adalah tidak memuaskan dari segi perkhidmatannya. Jika boleh pejabat pos dijadikan sebagai pusat perkhidmatan untuk orang ramai dan rakyat yang khasnya tinggal di kawasan luar bandar. Umpamanya, pejabat pos boleh diwajibkan untuk melayan segala penjelasan bil seperti bil air, bil elektrik dan juga lain-lain lesen dan bayaran yang dikehendaki oleh Kerajaan. Kalaulah ke semua perkhidmatan ini boleh dikumpul dan dipusatkan di pejabat-pejabat pos ini akan menolong lain-lain badan, umpamanya, LLN, Lembaga Air, dan lain-lain pihak yang berkuasa dari aspek umpamanya selalu berlaku kesesakan berbaris-baris di tengah-tengah jalan umpamanya pada hari Isnin.

Kita boleh lihat umpamanya di negeri Melaka rakyat di luarbandar, khasnya pada permulaan bulan atau pada hari Isnin terpaksa berbaris-baris dekat tepi jalan kerana bangunan yang ada sekarang tidak mencukupi untuk menampung beberapa perkhidmatan. Saya harap bayaran bil api dan lain-lain bolehlah disediakan juga dalam bangunan pejabat pos. Satu aspek lagi ialah mengenai Perkhidmatan Kastam yang ada terletak di bangunan dalam pejabat pos ini boleh diperbaiki. Sungguhpun perkhidmatan pos disediakan dengan masa yang panjang, tidak rehat pada waktu makan tengahari atau pada waktu lepas kerja pejabat, tetapi waktu kerja untuk Jabatan Kastam yang ada di pejabat pos ini nampaknya tidak memuaskan. Kadang-kadang sampai pukul 11.50 minit kita tidak nampak ada seorang pegawai Kastam dekat Pejabat Pos untuk kepentingan orang ramai atau kemudahan orang ramai untuk mengambil barang-barang yang ada berkaitan dengan bungkusan dari Pejabat Pos. Saya harap Menteri yang berkenaan bolehlah mengkoordinasikan perkara yang nampaknya tidak ada selaras dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Pejabat Pos.

Tuan Speaker, saya juga perlu menarik perhatian Dewan yang mulia ini, saya tidak tahu apa sebab hanya ada istilah "postman" tetapi tidak ada "postwoman". Adakah ini merupakan satu peraturan bagi Pejabat Pos di mana hanya kaum lelaki sahaja boleh dilayakkan untuk berkhidmat sebagai posmen, bagaimana pula kaum wanita? Saya harap bukanlah disengajakan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di mana ada satu diskriminasi yang berlaku dalam Perkhidmatan Pos. Saya harap ke arah yang tidak seimbang ini bolehlah diperseimbangkan supaya kaum wanita bolehlah dijemput untuk bersama-sama berkhidmat dalam barisan Perkhidmatan Pos supaya jangan hanya menjadi monopoli bagi posmen sahaja, tidak ada "postwoman". Saya harap perkara ini kalau boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos supaya pada masa-masa akan datang kita boleh mengambil bukan sahaja ada postman yang beruniform smart, juga ada postwoman yang beruniform sangat smart untuk memberikan perkhidmatan pos kepada rakyat di Malaysia.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Speaker, perkara yang keempat yang akan saya sentuh, saya harap tidak akan sentuh apa-apa aspek perundangan atau sub judice, saya tidak sengaja hendak sentuh perkara ini, ialah yang berkaitan dengan perkhidmatan penyerahan atau bungkusan pos. Mungkin ini adalah merupakan satu kelemahan dari segi pentadbiran atau Perkhidmatan Pos sehingga terpaksa beberapa buah syarikat perlu membekalkan atau menyediakan perkhidmatan untuk menghantar barang-barang yang berkenaan. Jika sekiranya kerajaan hanya bertindak secara undang-undang untuk menghukum pihak-pihak yang berkenaan untuk menolong menghantar bungkusan atau barang-barang yang mereka anggap sangat urgent yang perlu dihantar melalui satu perkhidmatan yang special, yang express yang mana Pejabat Pos tidak boleh menjalankan tugas ini dalam waktu yang singkat atau di kawasan-kawasan yang tertentu. Saya harap aspek undang-undang ini bolehlah dipertimbangkan jika perlu Akta ini, seksyen yang berkenaan bolehlah dipinda supaya sektor swasta boleh bersama-sama menyertai perkhidmatan untuk menghantar bungkusan barang-barang yang dianggap sangat mustahak khasnya dalam kawasan Wilayah atau Kuala Lumpur di mana kita tidak boleh hanya bergantung kepada Pejabat Pos.

Umpamanya sesuatu barang itu perlu dihantar dalam waktu petang dalam masa satu jam, bagaimana kita boleh harap Pejabat Pos untuk menghantar seorang kakitangan Pejabat Pos untuk mengirim atau menghantar barang yang berkenaan yang mungkin dianggap sangat urgent dan mustahak dari syarikat-syarikat yang berkenaan. Saya tidak tahu adakah Yang Berhormat Menteri sedar masalah yang sedang dihadapi oleh beberapa syarikat yang berkenaan di mana mungkin ada terlibat perbicaraan mahkamah. Saya tidak akan membuktikan dengan lebih lanjutnya tentang perkara ini tetapi saya perlu menarik perhatian Kementerian supaya keadaan kelemahan ini bolehlah diperbaiki.

Saya tidak menuduh Kerajaan atau menyalahkan Kerajaan, mungkin ada berlaku

beberapa kelemahan dari segi perkhidmatan atau pentadbiran tetapi ini adalah satu rayuan yang disampaikan kepada saya, saya hanya menyampaikan petition ini kepada Dewan yang mulia ini supaya perkara ini bolehlah diambil berat dan boleh diselesaikan bukan sahaja dari segi undang-undang; dari segi kemudahan orang ramai.

Tuan Speaker, akhirnya saya akan sentuh satu point yang telah disentuh oleh rakan saya di Dewan ini ialah mengenai syarat-syarat perkhidmatan (terms of employment) untuk posmen dan kakitangan pos ini bolehlah dikaji semula kerana adanya sungutan daripada beberapa kalangan di Pejabat Pos khasnya posmen yang sudah lama berkhidmat, yang ada di antaranya melebihi 20 tahun tetapi gaji dan elaun mereka masih lagi nampaknya tidak dapat memenuhi keperluan kehidupan sehari-hari. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mempertimbangkan perkara ini yang ada berkaitan dengan kebajikan saudara kita sebagai posmen atau yang bekerja dan berkhidmat dalam bidang Perkhidmatan Pos. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

4.06 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong pindaan yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan saya berpendapat ini adalah satu perkara yang mustahak di segi bungkusan atau perkara-perkara yang akan disampaikan kepada pihak yang menerima, kerana bila seseorang menghantar surat baik apapun kepada orang yang hendak dikirimkannya, maka dia berharap sangatlah orang yang dia hendak kirim itu dapat menerima apa yang dikirimnya dan kadang-kadang benda ini telah menjadi satu perkara yang mustahak di segi makanan dan apatah lagi kalau di segi jangka panjang. Dengan sebab itu saya berpendapat undang-undang ini amatlah mustahak dikemaskinikan supaya menjadi satu perkara yang amat baik kepada pengguna-pengguna yang akan menerima bungkusan-bungkusan seperti yang dikatakan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam huraian Menteri pada petang semalam ada menyatakan dua perkara. Satu di segi hendak menyenangkan bangunan-bangunan yang tinggi kerana bungkusan-bungkusan itu boleh dikatakan beratus-beratus ribu pada tiap-tiap hari dan bertambah banyak. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bungkusan-bungkusan yang telah dihantar oleh pengirim tadi tentulah ada dengan syarat-syaratnya, dengan setem-setemnya bererti tiap-tiap bungkusan itu berharga. Jadi pihak Kerajaan tentulah mengambil bayaran di atas apa bungkusan yang telah dihantar itu. Dengan sebab itu saya sangat berharap bungkusan ini mestilah syaratnya sampai kepada pihak yang akan menerima. Mengikut pindaan yang dikatakan di sini bila dihantar maka dianggap seolah-olah terserah kepada si yang di alamat. Perkara ini amatlah baik tetapi saya amat bimbang, kerana saya dapati kadang-kadang bila seorang itu menghantar satu bungkusan, tiba-tiba bungkusan itu tidak diterima oleh pihak yang tetap akan menerimanya tentulah ingatannya kalau di segi makanan ataupun di segi jangka panjang seperti borang dan sebagainya amatlah pelik lagi kerana dengan sebab dia menganggap dia terima tiba-tiba tidak terima. Ini menghalang kepada segi pekerjaannya pada masa yang akan datang.

Dengan sebab itu saya berpendapat segi ini amatlah baik kerana memudahkan pihak Pejabat Pos tetapi pada pendapat saya biar kita yakin betul-betul benda ini sampai kepada si penerima. Dengan sebab itu saya berharap peti yang dicadangkan sebagaimana yang dikatakan tadi biarlah peti yang agak besar sedikit dan terbuka yang mana boleh dikunci oleh posmen yang berkenaan selepas dia masukkan barang ke dalamnya. Tetapi kalaulah kita hendak adakan satu peti yang pintunya kecil, tentulah tidak menasabah dengan undang-undang yang kita katakan bungkusan tadi, kerana bungkusan itu dia tidak boleh masuk kalau peti itu pintunya kecil.

Saya terfikir kalau patut pada posmen diadakan satu kunci dan pada alamat penerima pula satu kunci supaya boleh posmen membuka, saya fikir tentulah berat bagi posmen itu membawa balik kalau sampai 20 atau 30 buah satu hari untuk membawa

bungkusan dan kunci, jangan-jangan kunci itu bertukar di antara satu dengan lain. Dengan sebab itu, pada pendapat saya, biar ada satu ibu kunci yang mana selepas dimasukkan barang itu di dalam dikunci oleh pihak yang menghantar bungkusan kepada posmen itu tadi. Sebab saya takut ini berlaku kadang-kadang surat biasa diberi pada tidak kena tempat, surat yang diketahui di dalam itu tidak ada apa cuma surat biasa jika diambil oleh manusia yang tidak bertanggungjawab, maklumlah dunia yang selagi dinamakan manusia sebab itu Kerajaan ada undang-undang untuk orang salah, adakah undang-undang untuk menghukum orang-orang salah. Ada setengah berfikir perkara itu tidak salah tetapi dia hendak lihat. Sebab itu kita percaya misalnya dalam kiriman wang, surat register yang sedia terjamin saya takut kalau disyaratkan apabila dihantar seolah-olah si penerima sudah menerima. Ini saya amat curiga dengan sebab itu syarat yang pada pendapat saya tadi kalau hendak diadakan peti adakan satu peti yang terbuka dan selepas dimasukkan di dalam itu hendaklah dikunci.

Kedua, kalau boleh sebagaimana dicadangkan oleh wakil yang bercakap dahulu daripada saya, kalaulah kita fikir seperti saya katakan tadi tiap-tiap satu bungkusan yang akan dihantar oleh pejabat pos yang akan dibawa oleh posmen tentulah dia ada syarat, surat kecil cara kecil tetapi mesti disetamkan kecuali surat Urusan Seri Paduka. Walau macam manapun itu atas Urusan Kerajaan tetapi kalau surat itu mustahak mesti ada syaratnya. Misalnya, surat-surat umum mesti disetamkan mengikut kadar bungkusan yang diperlukan. Jadi, saya fikir tentulah dengan itu juga Kerajaan mendapatkan wang kalaulah Menteri berkenaan mengatakan petang semalam sampai beratus-ratus ribu sehari surat, saya yakin kalau wang setemnya pun kalau tidak sampai berpuluh ribu tentu beribu ringgit juga banyaknya.

Di samping surat itu berjalan, wang juga akan dapat pada Kerajaan dan kalau tidak dapatpun perkara itu harus notis Kerajaan wang itu akan dapat juga cara bayaran duit yang tidak dibayar oleh pihak yang menerima tadi. Jadi perkara ini bila dikontek tentulah kegunaan wang itu akan dapat daripada hasil surat-menyurat tadi. Kalau begitu banyak mengguna surat, mengguna bungkusan, saya

berpendapat patutlah tiap-tiap satu bangunan sebagai satu rumah flat seperti saya katakan tadi, kalau kita lihat Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan sebagainya, saya fikir patut diadakan lebih senang lagi satu pejabat pos kecil yang sedia kala mengikut masa dijaga oleh tiap-tiap seorang kerani di situ lagi senang. Kalau kita beri surat, dia ambil seperti dibuat oleh pejabat pos sekarang mengatakan yang bungkusan tuan ada di sini, ini lebih selamat.

Saya bimbang kalau kita hendak cepat, dengan kerana cepatnya harus berlaku tidak diterima, bagaimana kata pepatah: biar lambat asalkan selamat, ini saya bimbang. Saya bersetuju biar lambat asalkan selamat. Kalau hendak cepat tidak selamat. Dengan sebab itu, saya berharap seboleh-bolehnya pejabat pos mengkaji sedalam-dalamnya supaya benda ini diyakinkan sampai, itu kehendak saya, kerana saya tahu saya ulang sekali lagi amatlah kecewa, baik dari segi urusan, dari segi jangka panjang kalau si penerima dia harap-harap hendak menerima satu bungkusan yang di dalam bungkusan itu dia tahu telah ditelefon dahulu, misalnya, bungkusan awak atau encik atau abang saya telah hantar, dia tunggu tidak sampai bungkusan itu tercicir di tengah jalan seperti saya katakan tadi amatlah kecewa.

Dengan sebab itu, sekali lagi saya berharap dicari satu jalan yang diyakinkan bungkusan itu mesti selamat. Saya takut bila dibubuh oleh posmen tetapi dia diibaratkan seolah-olah sampai saya amat takut. Walau macam manapun, saya tidak nafi sebagaimana kata Menteri petang semalam oleh sebab bangunan tinggi kalau hendak panggil kadang-kadang orangnya tiada dan sebagainya, ini masalah. Tetapi macam manapun seperti saya katakan tadi di samping bungkusan itu kita juga akan dapat sedikit sebanyak bayaran.

Saya dengar petang semalam denda kata Menteri. Denda ini kita hendak kerana kewangan kita kurang, bila kita dapat duit banyak, saya bersetuju juga kalau denda itu membawa kebaikan. Misalnya kalau seorang itu tidak menjalankan tugas, kita denda, dia menjalankan tugasnya dengan baik tetapi kata Menteri di samping itu juga kita kekurangan wang, boleh dapat wang banyak, kalau tidak silap huraiannya saya dengar petang semalam

Saya harap dengan kenyataan ini membawakan kalau pihak manapun menjalankan tugas-tugasnya tidak bertanggungjawab khususnya kepada bungkus-bungkus seperti saya katakan tadi hendaklah diambil tindakan. Ini posmen sewajar sangat kerana ini adalah satu alat atau saluran selain daripada kita hendak kirim sendiri, bawa pergi dengan motokar. Posmen ini adalah satu tempat harapan orang perantaraan, pejabat perantaraan untuk hendak mengirinkan dari satu pihak ke satu pihak. Kalau pejabat ini kadang-kadang tercicir menjalankan satu tugas, kalau ada pegawai-pegawai yang menjalankan tidak baik, nampaknya amat sedih kepada pihak yang menerima tadi.

Saya harap kalau ada denda untuk membawa kebaikan di samping denda itu dapat dibaiki dan boleh kata Menteri mendapat wang kerana kita kekurangan wang. Ini jawabnya dua kali untung, satu dengan denda terhadap orang yang tidak bertanggungjawab akan bekerja dengan lebih baik dan dengan denda itu juga kita dapat wang. Tetapi saya harap syarat pertama tadi kerana memandangkan untuk mendapat kebaikan yang lebih banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap juga di segi Fasal-fasal 3, 4, 5 ini Pengawal Pos dan Penolong Penguasa Pos diubahsuaikan dengan Pegawai Perkhidmatan Pos Tingkatan Kanan. Saya bersetuju dengan perubahan ini. Dalam Huraian, Fasal 3 saya lihat kalau Pengawal dengan Perkhidmatan walaupun lebih kurang jawatannya sama tetapi Perkhidmatan agak saya lebih elok pada segi nama dalam segi perkhidmatan. Saya harap bukanlah nama sahaja yang kita akan ubah, tetapi biarlah jawatan yang kita namakan diubahsuai dengan perkhidmatan itu disesuaikan dengan kerja-kerja yang dibuat.

Seperti saya kata hari ini tanggungjawab pejabat pos amatlah banyak sebagai mana dikatakan oleh wakil Balik Pulau tadi Amanah Saham Nasional sangat-sangat digalakkan oleh Kerajaan walaupun boleh dibeli di bank-bank di Malayan Banking, dan berbagai-bagai bank lagi misalnya, tetapi saya percaya melalui pejabat poslah banyak bumiputera melabur dalam Amanah Saham Nasional yang kita lancarkan baru-baru ini.

Saya dapati betul-betul kalau kita hendak ubah di segi pegawai atau di segi nama tetapi tentang pengurusannya tidak memuaskan. Barangkali agak saya, saya tidak mahu tuduh Pegawai Pengawal itu tidak buat kerja tetapi mereka tidak boleh menjalankan tugasnya dengan baik kalaulah kakitangan mereka atau pegawai-pegawai mereka tidak cukup. Saya dapati betul-betul perkara ini pada 30hb Jun hari penghabisan Amanah Saham Nasional buat kali pertama.

Saya sendiri hendak uji lihat penduduk-penduduk luar bandar yang kebanyakannya bumiputera yang mana disyaratkan oleh Amanah Saham Nasional bumiputera boleh membeli Amanah Saham Nasional, kerana kadang-kadang kata mereka kami hendak pergi ke Pejabat Pos kakitangan tidak cukup, dan saya panggil ke rumah saya sendiri pada 30hb malam sampai kepada pukul 7.00 malam walaupun seorang sedikit bumiputera ini ingin hendak melabur. Tetapi malangnya pegawai kakitangan Pejabat Pos tidak cukup, apatah lagi saya lihat betul-betul sendiri pada hari misalnya 28, 29, 30hb sampai pukul 7.00 malam kakitangan Pejabat Pos begitu juga pos bergeraknya dengan pegawai-pegawai tidak cukup.

Jadi saya berharap penukaran nama daripada Pengawal tadi kepada Perkhidmatan. Dengan ini juga saya berharap kedudukan Pejabat Pos akan bertambah baik. Kalaulah macam saya berkata tadi, kakitangannya tidak cukup patutlah ditambah dengan secukupnya. Kalau tidak kadar pengawalan dijadikan kepada perkhidmatan tentulah benda itu tidak berkesan.

Walau bagaimanapun, di sini saya berharap juga dari segi nama supaya kalau ada kelambatan yang dijalankan oleh Pejabat Pos baik pun cara bangunan tinggi, posmen biasa dan sebagainya, saya berharap biarlah betul-betul bertanggungjawab, kerana kalau pihak yang menjadi perantaraan harapan di antara satu pihak pengirim dengan pihak penerima ini dicuainya oleh orang yang di tengah jalan maknanya orang yang menjalankan tugas itu, Pejabat Pos tidak bertanggungjawab kadang-kadang kerana lambat sampai. Biasanya berlaku kadang-kadang seseorang itu dia mengharap pada kerja dia telah dipanggil temuduga, sepatutnya surat itu tiga hari sudah

sampai tetapi kadang-kadang biasa seminggu, ada yang tidak sampai kerana sikap tidak bertanggungjawab setengah daripada kakitangan. Bukan semua. Saya tidak kata semua kerana Pengurus pun dia tidak boleh buat semua. Pengawal pun dia tidak boleh buat semua, begitu juga yang kita nama perkhidmatan pun dia tidak boleh buat semua. Cuma ada kakitangan yang akan menjalankan apa yang ditadbir ataupun yang diperintah oleh Pegawai Perkhidmatan Pos tadi. Jadi saya berharap dengan diubah nama Pengawal kepada Perkhidmatan tadi betul-betul akan memberi perkhidmatan yang amat cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya perhatikan kerana kadang-kadang saya juga pergi ke Pejabat Pos, saya tengok hari ini semua bangunan diadakan pengawal dengan berbagai-bagai warna baju seperti kuning, merah muda, putih dan sebagainya. Setahu saya, Pejabat Pos ini satu pejabat yang boleh dikeluarkan masuk wang.

Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, walaupun hari ini jarang berlaku kalau tidak silap saya, sepatutnya tiap-tiap ketika patut diadakan Pengawal keselamatan di Pejabat Pos. Kerana pada hari ini semacam mana dikatakan oleh wakil rakyat dari balik Pulau tadi selain daripada ASN yang menjadi perhatian berat dari masyarakat bumiputera satu pelaburan yang dianjurkan oleh Kerajaan, begitu juga dari segi yang lain Pejabat Pos satu tempat untuk menyimpan dan mengambil wang.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong sebagaimana kata kawan-kawan saya tadi sepatutnya dikaji. Kalau kita berharap mereka ini akan bekerja dengan cemerlang, pendapatan dan keselamatan mereka juga di masa-masa kecederaan dan sebagainya dapatlah dikaji supaya mereka ini terjamin baik pun di masa aman termasuk juga di masa kecederaan, di masa tidak selamat dan sebagainya. Inilah masa-masa yang lebih penting lagi.

Begitu juga kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, kakitangan-kakitangan patutlah dilengkapi dengan pakaian-pakaian yang agak menarik sedikit dan jenis kainnya biarlah yang tidak mudah lusuh atau turun warnanya.

Kita carilah pakaian-pakaian yang agak menasabah sedikit. Sebab saya katakan begitu ini salah satu sebab misalnya posmen dia malu dengan pakaiannya yang kita tengok mudah luntur. Sebelum dia hendak hantar surat, baik dia hantar dengan motosikal Honda dan sebagainya dia tetap pakai baju biasa, masa hendak hantar surat barulah dia pakai pakaian seragam dan ini terpaksa mengambil masa hendak tukar pakaian dan sebagainya kadang-kadang berlapis-lapis. Seolah-olah masa dia hendak jadi posmen itu, masa itulah baru dia buang, lepas bertugas sahaja serta-merta dia buang. Mengapa? Kerana dia pandang pakaian yang dipakainya itu tidak begitu sesuai. Sebagaimana saya katakan tadi warna bajunya. Sedangkan kadang-kadang orang misalnya saya katakan pakaian Polis, kita tengok lengkap, dia ingin pakai bukan sahaja masa bertugas tetapi di masa lain pun kalau boleh pakaian itu selalu ada di badan dia. Kerana dia tengok pakaian dia itu menasabah dan dipandang cantik.

Jadi kalau pakaian sepertimana saya katakan tadi menyebabkan lambat dia bertugas kadang-kadang dengan sebab pakaian itu juga membawa dia tidak berminat dalam segi pekerjaan dengan baik. Jadi saya harap sebagaimana saya katakan tadi dengan Rang Undang-undang ini walaupun hendak memudahkan pihak posmen tetapi saya berharap ianya meyakinkan, bungkusannya itu mesti betul-betul sampai. Dan kalau kerana kecuaiannya itu menjadikan denda sebagaimana kata Menteri, saya menyokong kerana di samping pentadbiran kita juga berharap mendapat kewangan dan saya berpendapat oleh kerana negeri kita membangun hari ini biarlah kita jalankan dengan lancar, kita tambahlah sebanyak-banyak lagi Pejabat Pos mengikut yang sesuai dengan tempat.

Kalaulah di bandar cara bandar, kalau di kampung cara kampung. Kalau tempat yang agak tiga empat atau lima buah rumah pangsa patutlah tiap-tiap tempat diadakan Pejabat Pos, kalau tidak besar pun kecil dan ini lebih selamat bagi kita hendak menghantar surat dan sebagainya.

Inilah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi menyokong pindaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kulim-Bandar Bahru.

4.25 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama menyokong Akta Pejabat Pos 1947.

Pada keseluruhannya memanglah segala pindaan ini adalah bertujuan untuk memperbaiki perkhidmatan pos yang saya berpendapat merupakan satu media perhubungan yang begitu penting sekali, bukan sahaja di antara rakyat dengan rakyat, di antara rakyat dengan Kerajaan, di antara Jabatan-jabatan Kerajaan dengan Jabatan Kerajaan tetapi juga dari segi mempercepatkan pembangunan.

Saya rasa perkhidmatan pos adalah merupakan satu perkhidmatan yang menjadi satu media yang pokok dalam soal melicinkan pembangunan negara. Tetapi entahlah apa sebabnya saya rasa tumpuan pembangunan mengenai perhubungan perkhidmatan pos tidaklah setimpal yang sepatutnya diberi kepada Jabatan itu jika dibandingkan dengan pembangunan-pembangunan yang sering terdapat di bidang-bidang lain. Sedangkan kita tahu bahawasanya untuk mempercepatkan sesuatu projek pembangunan perlu banyak perhubungan di antara jabatan ke jabatan dan kalaulah perkhidmatan pos itu lembab maka lembablah perjalanan projek itu.

Kita juga tahu bahawa dari segi pembangunan, atau dari segi pembangunan di bidang swasta juga perlu ada suatu perkhidmatan pos yang licin dan teratur dan cekap. Dan kalaulah perkhidmatan pos itu lembab maka sudah tentulah lembab perhubungan di antara rakyat dengan rakyat dan sudah sudah tentulah ini juga akan melembabkan pembangunan sama ada di bidang swasta ataupun Kerajaan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memang hairan sangat kalau kita dapat melihat bahawa pembangunan misalnya di bidang pelajaran dengan pembinaan sekolah-sekolah yang begitu pesat, pembangunan dalam bidang kesihatan dengan pembinaan klinik-klinik, hospital-hospital yang ber-

jalan dengan begitu pesat, tetapi dalam bidang yang begitu penting ini, iaitu dalam perkhidmatan pos kita lihat pembangunan adalah begitu lembab sekali. Jarang-jarang kita dapat lihat pembinaan pejabat-pejabat pos. Kalau kita tengok dalam Rancangan Malaysia Ketiga pun peruntukan yang diberi untuk pembinaan bangunan pos adalah sedikit sekali jika dibandingkan dengan peruntukan yang diberikan kepada pembinaan di bidang-bidang lain. Oleh itu saya inginlah juga menyokong dengan sekuat-kuatnya saranan yang telah dibuat oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya ini supaya Kerajaan memberi tumpuan yang lebih mengenai pembinaan pejabat-pejabat pos khususnya di tempat-tempat yang kecil ataupun di pekan-pekan kecil.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kementerian yang berkenaan juga harus memberi tumpuan mengenai pembinaan sub post office iaitu yang agak kecil sedikit tetapi sesuai dengan tempat-tempat, itu juga haruslah dipertimbangkan.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kementerian yang berkenaan ataupun Jabatan Pos harus juga memikirkan tentang memperbanyakkan perlantikan wakil-wakil pos di kampung-kampung. Pada masa ini terdapat di berapa tempat dalam kawasan saya sendiri kadangkalanya orang ramai—orang kampung di kawasan luar bandar terpaksa pergi berpuluh-puluh batu hanya untuk berjumpa dengan wakil pos, jangan kata pejabat pos hanya dengan wakil pos. Oleh sebab itu kalau kita memperbanyakkan wakil pos di kampung-kampung ini akan bukan sahaja memudahkan rakyat tetapi saya rasa akan mempercepatkan proses pembangunan sama ada pembangunan oleh Kerajaan ataupun pembangunan di bidang swasta.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan supaya orang-orang yang berkemampuan dan orang-orang yang berkebolehan menerima perlantikan wakil-wakil pos itu maka saya rasa elok jugalah pihak Kementerian atau Jabatan Pos memberi perhatian sedikit untuk memperbaiki syarat-syarat atau memperbaiki pembayaran-pembayaran kepada wakil-wakil pos itu, ini sangat penting. Perkhidmatan pos tidaklah boleh diperlihatkan dari segi

commercial, dari segi untung ruginya tetapi haruslah difikirkan dari segi keuntungan yang begitu banyak boleh diperolehi secara tidak langsung iaitu dari segi pembangunan negara dan juga mempercepatkan proses pembangunan.

Satu lagi perkara yang saya ingin memberi sedikit pendapat adalah mengenai khidmat mel ekspres. Sekarang ini memanglah kita sudah dapat khidmat mel ekspres ini berlaku antara pekan-pekan besar. Saya rasa sudahlah sampai masanya untuk pihak Kerajaan memikirkan bagaimana mereka dapat memperluaskan peruntukan untuk memperluaskan khidmat ini dengan pekan-pekan kecil. Saya rasa perkara ini sangat penting jika Kerajaan tinjau bukan dari sudut untung-ruginya tetapi dari segi munafaat secara tidak langsung dan ini saya rasa memanglah banyak. Dan saya rasa rakyat yang perlu mel mereka itu dipos dengan cara ekspres, cara cepat saya rasa tidak juga agak berat jika bayarannya juga dilebihkan sedikit. Supaya perkara ini tidak disalahgunakan, hanya mel-mel yang penting sahaja menggunakan khidmat ini saya rasa rakyat tidak akan berkeberatan jika pembayaran-pembayaran mel ekspres ini ditinggikan. Tetapi saya rasa perlu sangat supaya khidmat ini diperluaskan kepada luar bandar dan juga kepada pekan-pekan kecil.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan telegram. Perkhidmatan telegram ini begitu penting dalam perhubungan perniagaan, dalam hubungan pembangunan di bidang swasta dan begitu juga dalam pembangunan di bidang Kerajaan. Oleh itu saya rasa khidmat ini juga haruslah diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah sedikit sebanyak pandangan saya dan saya dengan ini menyokong pindaan kepada Akta Pejabat Pos 1947 ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Telok Anson.

4.36 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong juga Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat

Menteri kelmarin. Saya ingin mengambil kesempatan ini menarik perhatian Yang Berhormat atas bayaran setem bagi surat-menyurat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi seorang yang ingin menghantar surat misalnya ke Amerika Syarikat, Kanada ataupun England, kita harus membayar lebih kurang \$1.10 setemnya. Sebaliknya bagi surat-surat yang dihantar dari Amerika, Kanada atau England surat itu hanya kena membayar lebih kurang 22 sen Amerika. Ini bermakna surat-surat yang dihantar dari negara-negara barat itu adalah kena bayaran stamp lebih kurang 45 sen wang kita. Buat masa sekarang kita harus membayar lebih kurang \$1.10. Ini adalah satu kadar yang amat tinggi dan memandangkan pejabat pos adalah satu perkhidmatan yang bercorak monopoli, tidak ada siapa boleh menjalankan perkhidmatan yang sama ini, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengkaji semula bayaran setem bagi negara-negara barat itu. Saya percaya Malaysia ini adalah salah satu daripada negara yang menandatangani surat perjanjian antarabangsa di mana kadar bayaran setem itu adalah lebih kurang sama tetapi saya pun tidak faham apa sebabnya terdapat satu perbezaan begitu besar.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentuh tentang surat segera juga. Beberapa hari yang lalu saya pun telah mengemukakan satu soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan beliau telah berkata bahawa hanya setengah-setengah kawasan sahaja dapat menikmati perkhidmatan itu. Jadi, oleh kerana seorang harus membayar lebih kurang 10 kali ganda bayaran stamp daripada kadar yang biasa itu iaitu bagi surat biasa seorang hendak membayar 15 sen sahaja dan bagi surat segera itu seorang harus membayar \$1.50 iaitu 10 kali ganda. Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Kerajaan juga di kawasan-kawasan yang tidak dapat memberi perkhidmatan yang sebenarnya itu Kerajaan patutlah mengumumkan dan memberitahu kepada rakyat kita, jangan menghantar surat mereka secara segera.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini sahaja dalam masa soal-Jawab juga saya pun telah meminta Yang Berhormat Menteri sama ada

sebuah pejabat pos baru bagi Telok Anson akan dibina tetapi malangnya cadangan itu tidak dapat dilaksanakan dalam satu tempoh yang singkat. Saya ingin mengambil peluang ini menarik perhatian Yang Berhormat juga bahawa pejabat pos Telok Anson itu adalah sebuah pejabat yang lama dan kawasan-kawasan untuk membahagikan atau sorting surat-surat itu adalah amat sempit dan kawasan-kawasan untuk menyimpan bungkusan-bungkusan adalah tidak mencukupi.

Selain daripada itu terdapat juga ramai orang yang ingin mendapat peti surat ataupun post office box di Teluk Anson dan oleh kerana pejabat pos di Teluk Anson itu tidak ada tempat yang mencukupi, perkhidmatan post office box tambahan itupun tidak dapat disediakan. Oleh yang demikian, Saya berharap juga Kerajaan boleh memberi pertimbangan keutamaan untuk membina sebuah pejabat pos di Teluk Anson.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Panti.

4.40 ptg.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk menyokong Akta Pejabat Pos 1947.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sewaktu membentangkan Akta ini, keadaan sekarang ini berbeza jauh keadaan-keadaan sebelumnya yang mana penghuni-penghuni rumah-rumah yang tinggi-tinggi yang mana ini tidak terdapat tahun tiga puluhan atau empat puluhan dahulu, jadi sesuai sangatlah pindaan ini diubah pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu kedudukan perkhidmatan pos kita di Seluruh Malaysia ini boleh dikatakan hampir-hampir sahaja sama, iaitu kebanyakannya adalah bangunan-bangunan lama dan di sini terdapat kadangkala ramai pelanggan-pelanggan yang memerlukan stem dan pembayaran-pembayaran yang tertentu terpaksa beratur, kadangkadang berpuluh dan tidak jarang juga kadangkadang sampai beratus beratur

untuk menunggu giliran. Keadaan ini dapat dilihat dengan terang oleh mata kepala kita dan saya sendiri mempunyai pengalaman dan menyaksikan keadaan ini. Jadi, saya harap dengan pindaan ini pihak Kementerian akan mengarahkan perkhidmatan pos, Ketua-ketua Pos Daerah supaya mengadakan inisiatif sendiri, umpamanya, kalau dilihat ramai sangat yang menunggu, yang berlapis-lapis untuk membeli stem dan sebagainya bolehlah pihak Ketua Perkhidmatan Pos tadi membuka satu lagi pintu atau membuka dua lagi pintu untuk orang ramai membeli stem dan sebagainya. Jadi tidaklah membuang masa, kadang-kadang setengah jam, satu jam membuang masa. Ini saya harap dapat diambil perhatian berat oleh pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi oleh kerana negara kita ini negara panas, duduk dalam kawasan negeri panas dan pejabat-pejabat pos kita setengahnya memang ada dibekalkan dengan kipas angin, tetapi oleh sebab selalu sangat digunakan kipas angin, kipas angin ini juga kadang-kadang mogok, tidak mahu pusing lagi. Ini juga menyebabkan orang ramai gelisah; mana gelisah lambat menunggu giliran, mana gelisah kepanasan dan ini bukan sahaja dirasai oleh rakyat tetapi pegawai-pegawai yang berkhidmat di dalam pejabat pos itu sendiri terpaksa menanggalkan tiennya, terpaksa berkipas kerana kepanasan. Jadi dengan sebab Kementerian ini Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Kementerian yang mempunyai penuh tenaga, saya percaya eloklah saluran tenaga ini disalurkan pula kepada pejabat-pejabat pos dan saya cadangkan supaya pejabat-pejabat pos, sama ada yang lama atau yang akan dibina bukan sahaja akan dilengkapi dengan kipas-kipas angin yang secukupnya dan kalau perlu lengkapkan dengan pendingin udara (air-condition). Jadi kalau pejabat pos kita dilengkapi dengan pendingin udara (air-condition), saya percaya kalau orang ramai terlambat sedikit menunggu di situ dia memang suka, sekurang-kurangnya dia relax, kalau berjalan nanti panas, jadi terlambat sedikit pun tak apa dia kata, apa susah kita dalam keadaan bilik yang berhawa dingin. Ini cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua, supaya dapat diperhatikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan saya dan juga saya percaya di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, khususnya yang terdapat kampung-kampung baru dan Felda. Biasanya Felda-felda ini tidak terdapat pejabat pos dan kalau adapun kadang-kadang diwakilkan kepada Tuan Pengurus Felda itu untuk menerima surat-surat dan mengeluarkan surat-surat. Jadi dengan pindaan yang baru ini kalau dapat dipertambahkan lagi kecekapan perkhidmatan perjalanan pos kita dengan menambah pegawai-pegawai, bukan sahaja menukar nama pegawai bahkan memberikan perkhidmatan yang agak lebih cekap lagi dan lanjutkan perkara ini ke dalam rancangan-rancangan Felda.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, ada di antara rakyat kita, terutama sekali dalam Felda di kawasan saya oleh kerana jarak di antara post office dengan Felda itu ada yang 15 dan 20 batu, dia terpaksa datang ke bandar Kota Tinggi dengan teksi sapu \$3—itu teksi sapu, kalau teksi biasa mahal lagi, \$3 pulang-balik sedangkan dia hendak membeli stem 15 sen. Dia kena keluar wang untuk tambang \$3 untuk mengospos surat untuk anaknya yang stem itu harganya 15 sen. Jadi di sini dapatlah kita membayangkan betapa siksanya peneroka tadi yang terpaksa berbelanja lebih sedangkan keperluan hanya untuk membeli 15 sen setem. Jadi apa yang saya timbulkan ini dapat diperhati dan dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap antara Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini mengadakan koordinasi dengan Kementerian Kerjaraya (JKR), terutama sekali di bidang pembayaran bil-bil air kerana dalam kawasan saya banyak terdapat kampung-kampung baru yang sudahpun dimasukkan air, maksud saya air paip, dan mereka ini terpaksa membayar bil air ini ke Pejabat JKR Daerah. Sebagaimana yang saya ceritakan tadi seorang yang membeli setem 15 sen terpaksa mengeluarkan belanja \$3, begitu juga terpaksa pelanggan yang hendak membayar bil air ke Pejabat JKR terpaksa berbelanja \$3 atau \$4 untuk sampai ke situ yang untuk membayar bil airnya \$4 dan dia juga terpaksa keluar lagi \$4. Ini saya sudah

timbulkan di peringkat daerah dan saya bertanyakan di dalam Majlis Tindakan Daerah, apalah salahnya Wakil-wakil Pos yang ada di luar-luar bandar supaya mereka juga dibolehkan mengadakan koordinasi dengan pihak JKR supaya Wakil Pos Daerah itu boleh menerima bil air tadi, tidak payah lagi dia kena datang ke bandar atau ke pusat JKR. Perkara ini saya diberitahu ini adalah polisi atau dasar yang mana pegawai-pegawai kita di peringkat Negeri dan Daerah tidak dapat berbuat apa-apa kerana ini dasar Kementerian, dasar pihak JKR yang tidak boleh membenarkan bil air itu dibayar ke post office dan dasar pihak post office tidak boleh menerima bil air itu disalurkan melalui post office. Dengan sebab perkara ini dasar dan tidak dapat dibuat apa-apa oleh pihak pegawai-pegawai kita di peringkat Daerah; jangkakan peringkat Daerah, peringkat Negeri pun tak dapat, ini dasar dan terpaksa ini dibawa dalam Parlimen.

Dengan sebab perkara ini menyentuh kepada dasar, jadi saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri supaya dasar ini dapat diubah, dapat diselaraskan, jadi tidaklah berulang lagi. Saya percaya perkara ini bukan sahaja menyentuh peneroka-peneroka Felda, khususnya dalam kawasan saya, bahkan di mana sahaja dalam kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada Felda boleh dikatakan serupa sahaja keadaannya, terpaksa pergi ke pusat JKR bandar yang mana duduk JKR membayar bil air yang banyaknya \$4 tetapi dia berbelanja sebanyak itu juga, perbelanjaan yang membazir yang tidak diperlukan sekiranya mereka ini boleh membayar bil-bil air tadi di Wakil-wakil Pos.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah pandangan dan cadangan saya dan saya menyokong pindaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.50 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun turut menyokong Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 yang mana kalau kita tengok daripada pindaan ini tahun 1981 pada hari ini sudah 34 tahun,

pindaan-pindaan ini patut sangat dan sesuai dengan kehendak-kehendak zaman iaitu pembangunan, zaman moden era baru sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dalam Huraian Rang Undang-undang ini bahawa rumah-rumah yang banyak tingkatnya, yang menjulang ke langit bentuknya itu memang sesuai ialah posmen hendak menghantar surat-surat kepada tiap-tiap rumah, tambahan pula sekarang ini suri rumahtangga pun bekerja maka elok diadakan peti surat, bermakna apabila dimasukkan surat ini ke dalam peti itu dengan sendirinya posmen telah menyampaikan dan diterima oleh penghuni-penghuni rumah. Ini memang baik. Di luar negeri iaitu di Amerika, di London pun begitu juga bentuknya tiap-tiap tingkat itu ada mempunyai peti surat. Ertinya pada satu masa semua orang menengok surat misalnya di waktu petang atau di waktu malam, semua orang mengambil surat; ertinya dengan sendirinya mereka telah mengetahui bahawa peti-peti itulah sebagai posmen yang kedua kepada mereka. Jadi negara kita yang begini maju eloklah kita menukarkan cara kita dengan meminda Akta Pejabat Pos ini supaya dilaksanakan di negara kita ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, rumah-rumah juga rumah-rumah di tempat yang tidak ada rumah-rumah pangsa, rumah-rumah tinggi yang bertingkat-tingkat tadi, rumah yang bertaburan ada yang rendah, ada yang kecil, walau bagaimanapun untuk menjaga keselamatan mereka memagari rumah-rumah ini. Jadi, kalau tidak ada peti pos ataupun peti surat ini sukar sekali posmen-posmen hendak menyampaikan surat-surat ke rumah yang berpagar kerana ditakuti pencuri jadi dibuat pagar itu, jadi kalaulah posmen itu hendak memanggil suri rumahtangga atau penghuni rumah itu memang kadang-kadang orang tidak ada di dalam, kadang-kadang ada anjing yang besar dan tinggi, jadi posmen sampai terkencing-kencing—maaf Tuan Yang di-Pertua. Itu sebabnya kalau kita hendak mengadakan posmen sebagaimana di negara jiran kita ada posnita iaitu posmen wanita; saya harap janganlah kita adakan di Malaysia sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka cadangkan tadi. Kalau hendak

ditemuduga (interview) posmen ini biarlah yang badannya tegap, ditakuti oleh orang merampas suratnya, anjing pun takut menengoknya. Kalau kita hendak jadikan wanita posmen digempur oleh orang pun takut, terus diberinya surat itu, atau dia hendak merebut surat girl friendnya kerana takut diambil orang, berlawan pula di situ. Wanita tentulah lemah, ambillah surat ini. Ditakuti terjadi demikian, Tuan Yang di-Pertua. Jadi berpagar, dengan anjingnya, dengan orang tidak ada, kemudian setengah rumah yang besar-besar—maaf, Tuan Yang di-Pertua, air-conditioned di rumah itu berbunyi begitu kuat, jadi posmen kita memetik loceng basikal tidak dengar, bunyi hon Honda Cubnya pun tidak dengar, meraung dia berair-air matanya orang tidak juga dengar kerana bunyi air-conditioned itu lebih kuat lagi. Oleh itu sangat baiklah supaya Akta ini dipinda, dimestikan meletak peti pos itu di luar-luar rumah yang kawasannya berpagar dan di rumah-rumah pangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu posmen-posmen ini pun ada yang nakal, apabila tidak ada sahaja peti pos ini dicampakkan begitu sahaja surat-surat itu di dalam kawasan rumah. Boleh jadi datang hujan dibawa ke parit. Perkara ini sangat mustahak, boleh jadi dilayangkan oleh angin dan sebagainya. Ini rasa saya bukanlah satu kenakalan tetapi tidak adanya peti pos disediakan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut mengenai Fasal 4,5,8 dan 9 Huraian yang ketiga ini iaitu berkenaan dengan nama Penolong Pengawal Pos diubahkan kepada Pegawai Perkhidmatan Pos Tingkatan Kanan. Memang sesuai ialah nama ini diubahkan kepada Perkhidmatan Pos Tingkatan Khas, bukan lagi Penolong Penguasa Pos. Selalunya Pengawal itu orang menjaga, misalnya mengawal bank, pengawal rumah orang, jadi Penolong Penguasa ini saya rasa penjara; Penolong Penguasa Penjara. Jadi kita sebutkan sebagaimana dahulu cikgu atau guru sahaja disebut tetapi sekarang Pegawai Perkhidmatan Pelajaran. Pegawai Perkhidmatan Pelajaran C1, C2, D1, D2 jadi sedap bunyinya. Sebagaimana juga hospital, dahulu Dresser kerjanya mencuci kudiş orang sahaja kemudian diubah kepada Male

Nurse—Jururawat Lelaki. Sekarang ini disebut pula Pembantu Hospital, jadi manis bunyinya dan diapun senang hati. Hendak disebut pembantu doktor tidak ada, merekalah pembantu doktor. Jadi sesuaiilah dan saya menyokong perubahan nama-nama pada pegawai-pegawai yang disebut di dalam Akta yang hendak dipinda ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil sedikit kesempatan iaitu berkenaan dengan kekurangan posmen. Posmen ini keadaannya di tiap-tiap tempat itu telah berubah kedudukannya iaitu daripada penduduknya begitu sedikit sekarang sudah merebak perumahan dan pejabat-pejabat, begitu besar kawasannya tetapi posmen hanya ditambah sedikit. Sepatutnya posmen ini hendaklah ditambah sesuai dengan penduduk-penduduk. Misalnya kalau posmen yang dikehendaki itu 8 orang tetapi masih lagi tenaga yang didapati 5 atau 6 orang. Kemudian ada pula seorang atau dua orang diletakkan untuk relief di tempat-tempat yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, kenderaan-kenderaan Pejabat Pos ini hendaklah dibarui. Kalau dipakai, maklumlah kenderaan-kenderaan ini masuk ke kampung-kampung yang jalan-jalannya tidak elok, jadi selalu sangat berada di bengkel (workshop) untuk dibaiki. Kalau merah sahaja, "Pos" tulisannya, Pejabat Poslah, tergolek di sana, tergolek di sini. Kalau dapat dibarui dan kalau tidak pun disegerakan gantiannya kerana ini adalah satu perkara yang mustahak, orang berkehendakkan suratnya sampai cepat, kadang-kadang kerana rosak kenderaan itu surat yang dipos kadang-kadang tuan yang mengepos surat itu pergi pula ke rumah saudara yang suratnya dipos itu. Dia sudah dua malam tidur di situ baru sampai surat itu, jadi dia sudah bercerita lebih banyak daripada apa yang ditulis di dalam surat itu. Inilah malangnya, Tuan Yang di-Pertua, jadi dikehendaki sangat-sangat kenderaan ini.

Begitu juga berkenaan bangunan Pejabat Pos. Saya rasa telah lama, sejak zaman penjajah dahulu masih tidak berubah walaupun ada dalam Rancangan Malaysia

Keempat misalnya ada ditulis oleh Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dahulu yang ada di hadapan saya dan sekarang ini beliau menjadi Timbalan Menteri Kewangan. Apabila surat ini ditulis; maklumlah hendak memberitahu rakyat: ini Pejabat Pos awak hendak dibaiki, tengok ini salinan suratnya. Ini akan dibuat, patutlah kerana sudah ramai penduduknya tetapi Wakil Rakyat pun berkait juga. Maklumlah berkaitan. Wakil Rakyat samalah juga dengan Timbalan Menteri. Inilah yang mendukacitakan. Kemudahan ada pula satu tempat itu namanya Temoh, surat sudah sampai, pejabat pos hendak dibina yang baru. Kemudian yang ada di dapurnya itu boleh ditendang papan itu, diganti berapa ribu ringgit sahaja tetapi wang tidak ada. Jadi pos ini pun hendak dikawal juga rumahnya. Rumah Ketua Pos pun hendak dikawal, hendak dibaiki supaya senang hatinya bekerja, begitu juga pos ini ada mempunyai surat-surat, wang dan sebagainya. Jadi eloklah diperbaiki dan kalau dapat dibina bangunan baru supaya imej pejabat pos dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini begitu baik, walaupun saya tengok Telekom pun ada perubahan dan begitu juga berkenaan dengan LLN, tetapi bagi pejabat pos terlampau lambat. Adakah tak cukup wang? Kalau tak cukup wang baiklah dibawa ke Parlimen untuk diluluskan lebih banyak wang lagi supaya pejabat pos dibina macam balai-balai polis yang indah di tiap-tiap daerah. Tetapi pejabat pos sekarang masih macam di zaman penjajah, kalau dibaiki hanya dibaiki sedikit sahaja, diolah supaya disesuaikan sedikit.

Inilah sahaja ucapan saya. Walau bagaimanapun saya memujilah Kementerian ini iaitu satu Kementerian yang memberikan kebajikan dan perkhidmatan yang begitu baik kepada negara iaitu khidmat pos itu dengan setem 15 sen ke mana sahaja surat boleh dihantar di dalam negara kita seperti Sabah, Sarawak dan Perlis. Kecekapan-kecekapan ini bukanlah sahaja kita hendak memuji tetapi kita juga memberi teguran supaya membaiki lagi. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang.

5.01 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1981. Sepertimana Ahli Yang Berhormat yang lain juga, saya percaya tujuan Akta ini dikemukakan kepada Parlimen ini supaya dapat diperkukuhkan lagi pentadbiran pejabat pos dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan kepada Menteri berkenaan, yang pertama sepertimana juga Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang tadi supaya kedudukan seorang posmen bagi satu-satu kawasan perlu dikaji semula sekarang kerana kita terdapat contoh di kawasan saya sendiri, terdapat posmen yang sebanyak itu juga daripada sejak beberapa lama dahulu pada hal kawasan-kawasan yang tertentu pada masa ini rumah-rumah telah bertambah. Apabila rumah-rumah bertambah maka ini menjadi kelewatan bagi seseorang posmen itu hendak membawa surat-surat itu supaya dapat disampaikan kepada semua rumah yang perlu dihantar surat pada masa yang singkat sepertimana yang dikehendaki. Oleh kerana kawasan-kawasan seperti ini tidak dikaji semula dan masih memerlukan tenaga posmen yang sebanyak itu sahaja maka rungutan daripada orang ramai, kelewatan untuk mereka mendapat surat dan sebagainya yang dihantar melalui pejabat pos sering berlaku daripada kawasan-kawasan yang berkenaan.

Selain daripada ini, perkara yang kedua, saya telah mendapat tahu pihak posmen di seluruh negara ini telah memohon kepada Kerajaan supaya tanggagaji mereka dikaji semula dan pada masa ini boleh jadi Kerajaan sedang mempertimbangkan ataupun sudah membuat keputusan. Jika sekiranya Kerajaan telah membuat keputusan di atas tanggagaji itu saya minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat menghebahkan di dalam Dewan ini.

Selain daripada itu ada terdapat pada akhir-akhir ini surat-surat yang biasa dihantar kepada alamat-alamat tertentu dan biasanya surat-surat itu sampai balik kepada pengirim terutama sekali pengalaman yang saya sendiri

alami. Pada akhir-akhir ini ada sampai balik surat-surat yang kita poskan kepada alamat yang diberi oleh orang yang berkenaan. Apabila disiasat perkara seperti ini didapati posmen-posmen itu baru bekerja, apabila posmen itu baru dia tidak dapat mencari alamat, tidak dapat mengenali dengan tepat sepertimana posmen lama, maka menyebabkan surat itu diberi balik, kadang-kadang surat yang mustahak. Jadi saya suka mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya di satu-satu tempat seperti yang saya katakan itu memerlukan posmen itu berada di satu tempat itu lebih lama dan apabila dia berada lama di situ maka dapatlah mengetahui terutama sekali di kawasan luar bandar, kerana di kawasan luar bandar rumah-rumah mereka tidak ada nombor. Oleh kerana tidak ada nombor, hanya mengenali orangnya, tidak tahu siapa, hanya berpandukan nombor rumah sepertimana dalam bandar juga tentulah ada kesulitan dihadapi oleh banyak penduduk di luar bandar dan kepada posmen berkenaan kerana mereka tidak mengenali penduduk di situ. Oleh sebab itu saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya seseorang posmen itu dapat ditempatkan di satu tempat itu biarlah lama, kemudian barulah ditukarkan ke tempat lain dan juga jika diganti dengan posmen baru dapat pula ditunjuk oleh posmen yang hendak ditukarkan itu kedudukan kawasan-kawasan yang perlu untuk mengetahui, tidak seperti di masa sudah terpaksa surat itu diberi balik kepada pengirim.

Selain daripada itu di Daerah Larut dan Matang bandarnya Taiping, di bandar Taiping ada satu pejabat pos yang lama, pejabat pos bangunannya kecil sahaja, pejabatnya pun lama. Saya tidak mengetahui adakah pihak Kerajaan bercadang supaya pejabat pos Taiping yang lama itu patut diperbesarkan oleh kerana seolah-olah pejabat pos Taiping itu bukan diperuntukkan kepada Taiping pada masa sekarang, seolah-olah bangunan yang sebesar itu diperuntukkan dalam kawasan luar bandar sahaja tetapi bangunan itu sudah ada lama dan perlulah pihak Kementerian dapat mengkaji semula pejabat pos ini. Sebelum ini pernah Menteri-menteri dan Timbalan Menteri terdahulu melawat, menengok pejabat pos ini berkali-kali, kerana ia betul-betul berada dalam bandar Taiping. Pernah

pula disebut beberapa kali supaya dapat diperbesarkan oleh kerana keadaannya tidak begitu selesa lagi pada masa sekarang terlalu ramai orang menggunakan pejabat pos itu. Jadi oleh sebab itu saya minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya pejabat pos Taiping itu dipertimbangkan untuk diperbesarkan sepertimana pejabat-pejabat pos di dalam bandar-bandar lain juga di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati di masa lalu ada terdapat posmen kita digigit oleh anjing. Ini satu perkara mendukacitakan, sepatutnya posmen itu boleh melawan dan menangkis serangan anjing dan sebagainya tetapi barangkali posmen itu menyangka anjing itu tidak berbahaya padanya ataupun tak sempat lagi dia hendak buat apa dan tuan anjing itu tak menjaga anjingnya sepertimana yang diadakan peraturan. Oleh sebab itu di kawasan bahaya semacam itu ada terdapat dalam negara kita patutlah pihak Kerajaan mempertimbangkan supaya posmen di kawasan yang berkenaan dibekalkan dengan senjata supaya dapat mengawal dirinya dan dapat menembak anjing berkenaan. Dengan cara semacam ini apabila seekor-dua anjing sudah kena tembak dalam negara ini maka orang ramai dapatlah menjaga anjingnya, menambat dan sebagainya dan selamatlah posmen-posmen itu. Jadi dari segi Kementerian ini memanglah bukan hendak menjaga anjing, tentu hendak menjaga posmen tetapi kerana hendak menyelamatkan pegawainya, posmen, saya mencadangkan kepada Kerajaan posmen di kawasan bahaya berkenaan dibekalkan senjata, biar seekor-dua anjing kena tembak.

Selain dari itu juga ada satu perkara yang patut diambil perhatian oleh pihak Kementerian ini, Yang Berhormat Menteri iaitu di kawasan saya di Changkat Jering sebuah pejabat pos telah diluluskan beberapa lama dahulu. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dahulu iaitu Yang Berhormat Dato' Najib telah menulis surat kepada saya mengatakan projek sudah diluluskan tetapi sehingga sekarang saya diberitahu—pejabat pos itu memang hendak dibina dan perlu dibuat di kawasan itu—tetapi yang menarik perhatian saya sehingga setakat ini tapaknya tak ada lagi.

Sepatutnya bila Kerajaan kata projek ini telah lulus hendak dibuat, tapaknya diadakan dahulu. Tetapi peruntukan pejabat pos ini diluluskan dahulu, tapak tidak ada lagi sampai sekarang dan pada masa ini pihak Kerajaan sedang mencari satu tapak untuk menempatkan satu Pejabat Pos yang berkenaan. Jadi oleh sebab itu saya berharap oleh kerana rakyat tidak kira tapak yang berkenaan, ia ingat apabila sahaja peruntukan Pejabat Pos ini lulus, tentulah Kerajaan telah menyediakan di mana-mana tapak maka perlulah Pejabat Pos Changkat Jering ini diambil perhatian oleh pihak Kerajaan supaya dapat disegerakan pengambilan tanah yang sedang diusahakan pada masa ini di situ tempat yang sesuai sekali untuk dibuat Pejabat Pos yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menarik perhatian berkenaan dengan telefon sepertimana sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson menyebutkannya tadi. Yang ganjilnya sedikit kalau kita bercakap ke Canada, biasanya kena bayar sehingga \$50.00 dalam masa yang sama, tetapi daripada Canada telefon ke mari biasanya kena \$9.00 sahaja. Jadi perbezaannya terlalu jauh apabila kita hendak bercakap di luar negeri, sebagaimana yang saya contohkan tadi Canada. Oleh sebab itu saya minta pihak Kerajaan mengkaji semula mengapa bayaran kita mesti bayar lebih daripada negara lain, kita yang biasa duduk di negara lain bila telefon balik ke Malaysia bayarannya kurang. Saya harap Kerajaan dapat menimbang hal ini. Mudah-mudahan dengan secara ini dapat menggalakkan penggunaan telefon di antara Malaysia dengan negara-negara yang lain akan tidak terasa perbezaannya. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.12 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta menyokong pindaan Akta ini.

Pada pendapat saya pindaan ini dibuat adalah kerana dua masalah besar yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu. Yang pertama, ialah

masalah untuk menyampaikan surat-surat dan bungkusan-bungkusan di bawah kelolaan Pejabat Pos atau Perkhidmatan Pos dan yang kedua ialah masalah perjawatan di dalam Perkhidmatan Pos ini.

Jadi dalam perkara yang pertama ini, saya sukacita membangkitkan satu dua masalah iaitu masalah-masalah yang timbul di bandar-bandar yang ada bangunan-bangunan yang tinggi dan banyak tingkat telahpun mendapat huraian yang begitu panjang daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan bagi masalah-masalah menyampaikan surat dan bungkusan di kawasan-kawasan luarbandar di mana rumah tidak bernombor, jalan tidak bernama dengan berdaftar dan juga berbagai-bagai masalah lagi di luar bandar termasuklah juga beberapa kawasan yang berjauhan yang tidak punya pos dan wakil pos. Inilah masalah yang penting selain daripada masalah bangunan-bangunan bertingkat-tingkat itu.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan pilihanraya Parlimen Tanjong Karang yang mana Pejabat Pos Sungai Besar duduknya dalam kawasan pilihanraya Parlimen Sabak Bernam, daripada situ menghala ke Tanjong Malim dalam jarak jauh 60 hingga 70 batu, tidak punya Pejabat Pos di kawasan yang berkenaan, sedangkan kampung-kampung telah berkembang dengan begitu banyak sekali dan penduduk-penduduknya bertambah dari semasa ke semasa dengan begitu ramai.

Oleh itu, ini satu daripada contoh yang menunjukkan betapa sulitnya rakyat menerima perkhidmatan daripada Jabatan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mengesyorkan di Dewan yang mulia ini supaya di kawasan-kawasan luarbandar yang mana kita sedang berusaha menyediakan Pusat-pusat Desa eloklah sekurang-kurangnya di tiap-tiap Pusat Desa ini ada wakil-wakil pos atau Pejabat Pos kecil untuk memudahkan rakyat, kerana di Pusat Desa ini berbagai-bagai keperluan disediakan oleh Kerajaan untuk keperluan masyarakat di kawasan yang berkenaan, ada institusi pelajaran, ada mesjid, ada berbagai-bagai yang lain lagi termasuk juga sekolah dan perlulah ada wakil-wakil pos di Pusat-pusat

Desa ini. Saya mempunyai keyakinan jika tiap-tiap Pusat Desa ini ada wakil pos atau Pejabat Pos maka Perkhidmatan Pos di luar-luar bandar dapat diterima oleh rakyat secara menyeluruh dan lebih mudah daripada hari ini.

Berhubung dengan perjawatan, saya juga berpendapat seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan hujahnya tadi bahawa posnita adalah juga menasabah diterima di dalam perkhidmatan ini. Kerana kita tidak patut mengecilkan kebolehan mereka. Pada hari ini dalam dunia yang begini maju, dalam negara kita yang begini pesat membangun, ada wanita yang menjadi askar, ada wanita yang menjadi polis, kenapa tidak ada wanita boleh menjadi posnitanya. Saya fikir membawa senjata, menyerang musuh lebih berat daripada membawa bungkusan surat dan bungkusan-bungkusan barang untuk diedarkan kepada rakyat. Oleh itu logik kiranya Kementerian yang berkenaan ini membuka pintu supaya perjawatan ini diberi juga kepada pihak wanita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak ditimbulkan masalah-masalah yang ditanggung oleh posmen di kawasan-kawasan luarbandar memang banyak sekali. Satu daripadanya surat-surat yang bertulis dengan nama penerima yang sebenarnya mengikut daftar dalam Kad Pengenalannya, misalnya nama seorang manusia di satu kampung bernama Abdul Shukur. Tetapi di kampung itu orang ramai kenal nama dia ini dengan Si Atan sahaja. Apabila orang ini jarang menerima surat-surat dan nama yang sebenarnya tidak diketahui oleh orang kampung di situ, kebetulan pula dia mungkin baru tinggal di situ satu dua tahun, jadi penduduk di kampung itu kenal dengan nama Atan sahaja. Apabila sampai surat nama yang sebenarnya posmen bertanya di kampung itu, dia tidak tahu siapa orang ini, kebetulan tidak berjumpa dengan orang yang berkenaan maka surat itu tidak dapat disampaikan kepada pihak yang berkenaan secara masa yang diperlukan. Oleh itu surat ini balik kepada orang yang menghantar surat yang berkenaan. Oleh itu, patut juga kita menggalakkan bagi memudahkan Perkhidmatan Pos ini, supaya rakyat kita terus menggunakan nama mereka yang sebenarnya untuk pengetahuan

umum dengan tidak menggalakkan nama-nama gelaran supaya memudahkan lagi Perkhidmatan Pos dan juga kakitangan pejabat pos ini.

Berkenaan dengan pembinaan Pejabat Pos, saya rasa saya amat bersetuju dengan hujah-hujah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini seolah-olah ditinggalkan pembangunan Pejabat Pos. Kalau kita bandingkan di beberapa pekan dan beberapa bandar dalam negara ini, berbagai-bagai pejabat dibina dengan begitu indah, dengan keadaan yang begitu menarik, dengan kedudukan dan bentuknya yang sesuai sebagai sebuah pejabat Kerajaan dalam sebuah negara yang telah merdeka dan berdaulat, tetapi Pejabat-pejabat Pos memang kalaulah tidak kerana mustahak betul-betul untuk menggunakannya bagi Perkhidmatan Pos ini, minat rakyat memang kurang kepada Pejabat Pos. Oleh itu, bagi pekan-pekan yang mempunyai Pejabat Pos dan mempunyai bank kalau kita bandingkan maka perkhidmatan Bank Simpanan Nasional yang dijalankan di Pejabat Pos kurang mendapat sambutan. Selain daripada bangunannya, selain daripada perkhidmatannya, kurang menarik minat rakyat kepada pembangunan dari segi Perkhidmatan Pos itu. Oleh itu, saya percaya dalam menyediakan peruntukan belanjawan negara pada tahun ini patutlah persediaan dibuat oleh Kementerian ini bagi mendapatkan satu peruntukan yang sesuai supaya bangunan-bangunan pejabat pos yang hendak dibina pada masa yang akan datang setanding dengan lain-lain pejabat untuk berkhidmat kepada rakyat dalam negara ini.

Oleh itu, saya dengan segala sukacita dan tulus ikhlas menyokong pindaan yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.20 ptg.

Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian dalam perbincangan menghujung dengan Rang Undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan Rang Undang-undang ini tidak lain dan tidak bukan ialah untuk melicinkan dan memperbaiki lagi Perkhidmatan Pos di negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pendapat yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat kawan-kawan saya yang terdahulu iaitu umpamanya di dalam hendak melicinkan Perkhidmatan Pos kita ini, saya menyokong supaya posmen di negara kita ini di dalam perkhidmatan mereka, terutama sekali di bandar-bandar, di bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat dan rumah-rumah yang berpagar terutama sekali rumah-rumah yang ada anjing dan sebagainya patutlah dipelindungkan dengan insuran nyawa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini saya hendak menambah iaitu di dalam kita hendak membaiki lagi Perkhidmatan Pos ini, terutama sekali di bandar-bandar sebagaimana yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini, saya berharap yang Berhormat Menteri tidaklah lupa untuk membaiki lagi Perkhidmatan Pos di luar bandar sebagaimana yang dicadangkan oleh kawan-kawan saya. Satu daripadanya saya hendak beri contoh ialah kawasan perkhidmatan atau kawasan pentadbiran Jabatan Pos ini saya dapati tidak selaras dengan kawasan perkhidmatan jabatan-jabatan yang lain. Umpamanya, tidak sama dengan perkhidmatan kawasan Pejabat Daerah, Pejabat Polis dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi contoh di dalam kawasan saya, kawasan Parlimen Padang Rengas. Di dalam tujuan kita hendak mempercepat dan melicinkan lagi Perkhidmatan Pos supaya surat, bungkusan dan sebagainya sampai dengan segera tetapi saya dapati ada timbul masalah oleh kerana kawasan Perkhidmatan Pos ini. Umpamanya, kawasan Perkhidmatan Pos Jabatan Pos Daerah Kecil Lenggong dengan kawasan Perkhidmatan Pos Kuala Kangsar. Jika ada surat-surat yang diposkan daripada Jabatan Pos Lenggong ke suatu kawasan arah selatan ke Kuala Kangsar yang jauhnya 7 batu sahaja tetapi alamat pos kampung itu; saya beri contoh umpamanya, Ahmad bin Abdullah, Kampung Changkat Berangan, Wakil Pos Kuak, Kuala Kangsar, sedangkan kampung itu hanya 7 batu sahaja dari

Lenggong akan tetapi surat ini terpaksa dipos ke Pejabat Pos Kuala Kangsar yang jauhnya 30 batu pada hari itu dan besok surat itu balik pula daripada Kuala Kangsar ke Changkat Berangan, ini lebih daripada 25 batu pula oleh kerana kawasan Perkhidmatan Pos ini tidak selaras dengan perkhidmatan jabatan yang lain.

Begitu juga saya beri satu contoh perbezaan kawasan Perkhidmatan Jabatan Pos ini dalam kawasan Gerik. Umpamanya, ada sebuah kampung di daerah Gerik yang sekarang ini namanya telah masyhur oleh kerana ada sebuah hidro-elektrik telah dibina di Kenering, ada sebuah kampung di Kenering yang jauhnya daripada Gerik lebih kurang 18 batu, 20 batu daripada Lenggong. Jika surat yang dipos daripada Gerik ke Kenering ini mesti dibawa dahulu ke Lenggong melalui Kampung Kenering dan berbalik ke kawasan Kenering sebelah ulu. Jadi Perkhidmatan Pos yang macam ini boleh melambat-lambatkan sedangkan negara kita sebuah negara yang maju di dalam pentadbirannya tetapi Jabatan Pos masih lagi tidak dapat disusun. Saya berharap di dalam kita hendak meminda undang-undang ini Yang Berhormat Menteri dapat juga mengkaji supaya kawasan perkhidmatan Jabatan Pos ini dapat dibaiki lagi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut ialah berhubung dengan penyampaian surat-surat di kawasan-kawasan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri oleh kerana di luar bandar seorang posmen yang ditugaskan di sebuah Jabatan Pos atau Wakil Pos biasanya menyampaikan surat sampai 10 atau 12 batu daripada Jabatan Pos. Saya beri contoh umpamanya di Jabatan Pos Padang Rengas dan juga Pejabat Pos Lenggong. Kebanyakan posmen yang berkhidmat di Pejabat-pejabat Pos tersebut tidak diberi dengan kemudahan motosikal. Mereka hanya menggunakan basikal sahaja dan mana-mana posmen yang berkehendakkan supaya perkhidmatan mereka lebih mudah mereka menggunakan motosikal sendiri. Saya berharap kepada posmen-posmen yang menggunakan motosikal sendiri ini supaya dapat dipertimbangkan umpamanya dibayar elaun perkhidmatan perbatuan atau bayaran

minyak dan sebagainya. Ini adalah bertujuan supaya orang ramai yang mendapat perkhidmatan pos ini dapat menerima surat-suratnya dengan lebih segera sebagaimana yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat saudara saya daripada Kangar iaitu berhubung dengan pakaian posmen kita. Tuan Yang di-Pertua, mana-mana posmen yang terpaksa menggunakan motosikal biasanya posmen-posmen kita tidak dapat menggunakan topi mereka, terpaksa ditukar dengan topi keledar. Jadi saya fikir sampailah masanya supaya topi yang digunakan oleh posmen itu reka bentuknya sesuai dengan keadaan negara kita ini. Begitu juga warna baju dan pakaian yang digunakan oleh posmen ini. Saya pernah timbulkan dalam Dewan ini satu masa dahulu iaitu tidak sesuai dengan warnanya, walaupun baru tetapi telah berupa sebagai pakaian yang telah lama, yang lusuh telah digunakan. Saya fikir lebih baiklah kita mereka satu corak pakaian yang warnanya lebih menarik, yang lebih hebat lagi daripada apa yang ada hari ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.27 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sama juga seperti rakan-rakan saya yang lain di dalam Dewan yang mulia ini kerana memberi sokongan yang kuat di atas Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) yang sedang kita bincangkan ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian berkenaan kerana Menteri di dalam membentangkan Rang Undang-undang ini ada menceritakan betapa perlu dan betapa mustahaknya Rang Undang-undang ini dipinda dengan tujuan diringkaskan supaya pentadbiran Perkhidmatan Pos ini dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan lebih teratur daripada apa yang ada sekarang. Pindaan ini

benar-benar perlu sekali kerana kita dapati banyak masalah-masalah yang dihadapi oleh pentadbiran pos dengan adanya undang-undang lama ini dan sebab itulah saya ucap syabas kerana dengan pindaan ini kita berharap sangat supaya Perkhidmatan Pos ini dapat dijalankan dengan lebih sempurna. Jikalau pentadbiran ini dapat dijalankan dengan sempurna rakyat jelata akan mendapat nikmat yang berguna dengan adanya Perkhidmatan Pos yang sedang berjalan pada hari ini.

Saya tidaklah hendak mengambil masa yang panjang hendak memberi hujah di dalam Dewan yang mulia ini, hanya apa saya nampak kebanyakan kenderaan-kenderaan yang digunakan oleh Jabatan pos sepertimana juga dikatakan oleh ramai daripada rakan-rakan saya adalah jenis kenderaan-kenderaan yang lama. Kebanyakan kenderaan-kenderaan ini baik van, motokar ataupun motosikal dengan warnanya yang merah itu berada di woksyp lebih banyak daripada digunakan di jalan. Oleh yang demikian oleh kerana penggunaan kenderaan-kenderaan ini begitu banyak sekali, adalah perlu bagi pihak Kementerian menghadkan umur kenderaan-kenderaan ini janganlah lebih daripada 5 tahun. Apabila sahaja lebih daripada 5 tahun kenderaan itu mestilah dikondemkan ataupun dilelongkan dengan begitu cepat supaya harganya tidak begitu jatuh kerana mengelakkan maintenance cost ataupun menjaga kenderaan-kenderaan itu yang berada di woksyp begitu mahal sekali. Oleh yang demikian, perlulah pihak Menteri yang berkenaan melihat bahawa mana-mana juga kenderaan yang begitu lama mesti dikondemkan dan diganti dengan kenderaan-kenderaan jenis baru.

Tuan Yang di-Pertua, semua kita ketahui bahawa pekerjaan posmen ini adalah satu pekerjaan yang sungguh bahaya, bahaya dari segi masa perjalanan, kerana jalan yang mereka guna ini bukanlah jalan yang baik belaka malah jalan yang kurang memuaskan khususnya kawasan luar bandar. Di bandar-bandar pula satu jenis penyakit bahaya yang mereka hadapi iaitu mereka suka sangat diserang oleh *anjing-anjing* yang dipunyai oleh tuan-tuan rumah apabila mereka hendak menghantar surat maka mereka ini diserang

oleh anjing-anjing. Oleh yang demikian, saya bersetuju dengan pendapat-pendapat yang diberikan oleh rakan-rakan saya terdahulu daripada saya bahawa semua pekerja-pekerja ataupun posmen-posmen ini diwajibkan oleh pihak Kementerian mengambil insuran nyawa, atau insuran bahaya insuran kemalangan dan sebagainya. Ini adalah penting kerana menjaga kebaikan ataupun kesempurnaan mereka menjalankan tugas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, hajat Menteri yang berkenaan hendak meminda Rang Undang-undang ini supaya pentadbiran pos ini dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan licin.

Lagi satu perkara yang saya harap Yang Berhormat Menteri boleh melihat iaitu dalam Perkhidmatan Pos kita tidak boleh nafikan bahawa selain daripada Post Office, kita terpaksa mengwujudkan Wakil-wakil Pos di peringkat pendalaman. Wakil-wakil Pos ini perlu juga Menteri memberi perhatian ataupun menyiasat semula bahawa wakil-wakil pos ini sama ada menjalankan tugas dengan betul atau tidak, kerana di tempat saya banyak wujudnya wakil-wakil pos tetapi wakil-wakil pos ini kadangkalanya menjadi masalah kepada rakyat terutama sekali apabila surat dihantar kepada wakil pos, wakil pos ada fahaman politik berlainan daripada orang yang hendak menerima surat, lazimnya surat-surat itu tidak sampai kepada sipenerima ataupun pada address yang ditulis tidak sampai kerana disembunyi terutama sekali perkara-perkara apabila dijemput untuk temuduga. Ini sungguh malang sekali, temuduga dijemput supaya beliau hadir di satu temuduga pada seminggu masanya tetapi oleh kerana wakil pos yang tidak bertanggungjawab dan mungkin juga kerana wakil pos itu dilantik daripada orang yang tidak sebulu dengannya maka surat itu dicampak begitu sahaja.

Sungguh malang sekali perkara ini berlaku di kawasan pendalaman oleh kerana fahaman berbau politik berlainan, wakil pos berlainan, ini mustahak diberi perhatian, kerana perkhidmatan wakil-wakil pos ini sungguh penting kepada penduduk di luar bandar dan saya sukalah mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kalau hendak disusun semula, eloklah perkara itu

dirundingkan, dibincangkan dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung kerana mereka ini adalah orang yang lebih tahu siapakah yang bertanggungjawab di kampung mereka dan mereka adalah dilantik oleh Kerajaan sebagai jentera mentadbirkan kampung masing-masing maka jikalau pihak pengurusan Pejabat Pos dapat berunding dengan mereka, insya Allah saya agak dengan cara berunding bersama maka wakil-wakil pos yang akan dilantik itu adalah wakil-wakil pos yang bertanggungjawab, bukanlah wakil-wakil pos sepertimana yang sedang berada di dalam kawasan-kawasan yang menyebabkan rakyat keloh kesah kerana surat mereka tidak sampai, surat dihantar, tidak sampai kepada destinasi yang dihantarkan itu.

Saya juga bersetuju dengan sahabat saya dari Padang Rengas tadi bahawa kawasan-kawasan bertugas, pihak posmen ini atau area Post Office ini perlu disemak semula, kerana mungkin juga pada masa kawasan ini dibuat dahulu masa kita di bawah penjajah, jalan tidak begitu teratur, tidak sempurna dan dengan adanya pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional perhubungan di antara satu tempat dengan satu tempat ini menjadi begitu dekat sekali. Kalau dahulu daripada tempat saya daripada Padang ke Bukit Jenun jauhnya 5 batu tetapi pada masa dahulu tiada jalan, sekarang sudah ada jalan dalam 5 batu maka kawasan Bukit Jenun itu perlu diberi kepada Padang bukan seperti mana yang ada hari ini Bukit Jenun dicover oleh Post Office daripada Gurun yang jauhnya lebih daripada 15 batu. Ini perlu disemak semula kerana kita telah menikmati pembangunan begitu banyak sekali dari segi perhubungan, penyusunan semula ini mustahak, kerana kita hendak mengelakkan daripada apa yang dikatakan oleh sahabat saya dari Padang Rengas tadi surat dari satu tempat pergi ke lain tempat, balik semula yang memakan masa yang begitu panjang.

Tuan Yang di-Pertua, ini sungguh mustahak mungkin Yang Berhormat Menteri kurang teliti dan kalaulah belum teliti lagi oleh kerana tujuan kita hendak meminda Rang Undang-undang ini hendak menyempurnakan perjalanan perkhidmatan pos maka dengan syor-syor dan cadangan-cadangan yang saya buat tadi sepatutnya diterima ataupun setidak-

tidaknya dapat menyasat dan yang mana perlu dipinda atau perlu diubah, ubahkanlah sesuai dengan keadaan zaman dan masa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.36 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Iroke): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang ini.

Saya tidak bercadang menjawab satu persatu soalan-soalan yang telah dikemukakan dan saya minta maaf daripada Ahli-ahli Yang Berhormat jika saya tidak menyentuh langsung kepada soalan-soalan yang tersebut. Apa yang saya akan memberi jaminan ialah apa-apa juga soalan yang dikemukakan akan dikaji dengan teliti dan jika ianya sempurna, kita akan mengambil tindakan untuk menggunakannya, kerana kita dari Kementerian sememangnya memberi perhatian yang berat atas pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai satu penyokongan kita untuk menjalankan tugas memberi perkhidmatan yang lebih menasabah lagi kepada rakyat dan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah saya menyebut demikian, suka saya juga sedikit sebanyak memberi jawapan tentang masalah-masalah yang disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah berucap sebentar tadi.

Memang tujuan Kementerian dan tujuan Kerajaan untuk memperkemaskan lagi Perkhidmatan Pos di seluruh negara dan dengan itu kita akan mengambil tindakan bukan sahaja membangunkan Jabatan-jabatan Pos yang baru juga kita akan mengambil tindakan untuk menambahkan lagi wakil-wakil pos di mana-mana tempat yang memerlukannya dan juga mengambil

tindakan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang sentiasa dijalankan oleh posmen-posmen dan pegawai-pegawai Jabatan Pos sentiasa dijaga dan ditinjau untuk menentukan mereka menjalankan tugas sebenar-benarnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya suka menerangkan sedikit sebanyak ialah dalam Rancangan Malaysia Keempat, kita telah mencadangkan untuk mengadakan beberapa Pejabat-pejabat Pos yang baru. Ini termasuk 192 bukan sahaja Pejabat Pos baru, ini termasuk wakil-wakil pos yang baru juga. Ini akan dikendalikan berperingkat-peringkat. Demikian juga kita akan menambahkan kenderaan-kenderaan yang sedia ada. Untuk menambahkannya, kita telah diberi anggaran sebanyak \$8.3 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk tujuan mengadakan 250 van yang baru, 530 motosikal yang baru dan sebagainya. Kita juga bertujuan dalam mengadakan perkhidmatan pos menimbangkan kebanyakan rakyat-rakyat yang terdapat di tempat masing-masing. Di waktu kita meninjau keperluan jabatan-jabatan atau postal service di tempat—Oleh tempat yang tertentu, kita mengambil kira kebanyakan pendudukan-penduduk yang terdapat di tempat itu dan juga mengambil kira kejauhan tempat itu dengan pejabat-pejabat pos yang lain.

Apa yang saya suka menyentuh dengan panjang sedikit ialah Ahli Yang Berhormat dari Sandakan di waktu memberi pandangan telah menyentuh beberapa perkara yang saya fikir mesti diberi keterangan yang lebih luas lagi ialah berkenaan dengan apa yang telah berlaku kepada Parcel Office di Sandakan. Ahli Yang Berhormat itu di waktu menyentuh perkara ini telah membuat tuduhan bahawa tindakan tidak diambil kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam kejadian ini oleh kerana pada pendapat beliau ini ada kaitan dari segi politik. Suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan kita ini menjalankan undang-undang tidak mengambil kira politiknya. Jikalau seorang melanggar undang-undang tindakan mengikut undang-undang akan diambil. Apa yang berlaku di Sandakan itu pihak Polis telah menyasat dan selepas siasatan itu dibuat pegawai yang terlibat telahpun dibuang kerja

dan ganti rugi telahpun dibayar kepada pihak yang telah membuat tuntutan tersebut. Ini memandangkan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, mengikut makluman yang didapati oleh saya sendiri, tidak memberi gambaran yang sebenarnya.

Kita suka menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa memang tujuan Kerajaan untuk menjalankan undang-undang mengikut cara undang-undang, itu yang telah dijalankan bersabit dengan perkara Parcel Office yang telah terbakar di Sandakan.

Saya juga suka menerangkan sedikit-sebanyak perkara-perkara yang lain yang telah disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, terutama sekali mengenai courier service. Courier service ini memang ada berjalan di negara ini dan ianya dibenarkan berjalan mengikut tugas di dalam Companies Act. Mereka didaftarkan mengikut Companies Act menjalankan tugas membawa benda-benda dari satu tempat ke suatu tempat. Apa yang tidak dibenarkan ialah mengikut syarat Section 12 di dalam Akta Pejabat Pos sekarang ialah monopoli diadakan kepada Director General of Posts. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya bacakan:

“Conveying by post from one place to another whether by land, or by sea or by air all letters and postcards . . . performing all the incidental services of receiving, collecting, sending, despatching and delivering all letters and postcards.”

Jadi, ini bermakna firma-firma courier adalah khususnya merupakan agen-agen serahan (forwarding agent) untuk kargo serta juga dokumen yang mana adalah bukan di dalam monopoli perkhidmatan pos. Ini dibenarkan. Mereka boleh membawa kertas-kertas bercetak, boleh juga membawa pelan, lukisan dan sebagainya akan tetapi mereka tidak boleh membawa surat-surat serta postcards dan surat-surat yang dimaksudkan itu termasuklah surat perniagaan mahupun surat menyurat peribadi. Ini sahaja, Tuan yang di-Pertua, yang sebenarnya. Dan saya ingat ini perlu diberi penjelasan untuk mengelakkan mungkin ada salah faham yang didapati oleh kita di Dewan ini.

Saya juga suka menerangkan sedikit mengenai perkara international postal rate. Memang kita telah pada bulan Julai yang lepas mengubah dan menaikkan postal rate ke luar negara dari negara kita ini, ini serupa dengan apa yang telah dibuat di negara-negara lain.

Apa yang saya kurang faham ialah bahawa Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson menyebut harga setem dari USA ataupun Canada dibandingkan dengan surat yang ke luar dari negara kita ke negara-negara tersebut, nampaknya dalam pendapat beliau setem dari USA atau Canada lebih murah daripada negara kita. Ini saya kurang faham kerana apa yang saya dapati aerogramme memang betul US25¢ untuk menghantar surat ke sini tetapi serupa juga aerogramme dari negara kita ke luar negeri inipun murah juga, ianya tidak \$1.00 lebih seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tetapi 40 sen sahaja. Mungkin pendapat ini berbeza oleh kerana ada perbezaan di antara pandangan, aerogramme atau surat yang biasa. Yang saya faham dan yang saya tahu apabila kita mengirinkan surat daripada negara kita ke negara-negara lain seperti yang disebutkan tadi nampaknya harganya tidak besar dan tidak mahal dari apa yang didapati di negeri-negeri tertentu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sedar memang banyak soal-soal dan pandangan-pandangan yang telah disebutkan dan diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap tadi, tetapi semua soalan-soalan ini dan pandangan-pandangan ini menyentuh untuk memberi panduan kepada Jabatan Pos memperkemaskan perkhidmatan yang dijalankan oleh Jabatan ini. Apa yang saya suka memberi jaminan semua soalan ini dan pandangan ini kita akan memberi perhatian yang berat.

Selain daripada itu, saya tidak bercadang untuk menyentuh satu persatu soal yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan oleh Majlis. Misalnya ialah Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

IBU KOTA PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.50 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengusulkan satu Rang Undang-undang yang diberi nama Akta Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) 1981 untuk dibaca bagi kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan:

- (a) mengadakan satu peruntukan baru iaitu seksyen kecil 4 (7) bagi membolehkan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, atau mana-mana pegawai awam lain yang diberi kuasa dengan bertulis oleh Menteri Wilayah Persekutuan menjalankan tugas-tugas, menggunakan kuasa dan melaksanakan kewajipan Datuk Bandar apabila Datuk Bandar tidak ada atau semasa jawatan Datuk Bandar menjadi kosong.
- (b) meminda seksyen 13 (1) Akta Ibu Kota Persekutuan untuk memberi kuasa kepada Menteri Wilayah Persekutuan memberi apa-apa arahan mengenai dasar yang tidak bercanggah dengan Akta.

Peruntukan baru iaitu seksyen 4 (7) perlu dibuat kerana dalam Akta sekarang tidak ada peruntukan yang membolehkan mana-mana pegawai awam menjalankan kuasa-kuasa dan

tanggungjawab Datuk Bandar sekiranya jawatan tersebut menjadi kosong. Peruntukan baru itu membolehkan tugas-tugas Datuk Bandar itu terus dilaksanakan dengan serta-merta oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan atau mana-mana pegawai awam lain yang diberi kuasa dengan bertulis oleh Menteri.

Pindaan kepada seksyen 13 (1) pula ialah kerana peruntukan sekarang menghadkan Menteri memberi arahan-arahan jenis am mengenai dasar. Peruntukan seperti ini tidak sejajar dengan kedudukan Menteri. Sebagai pucuk pimpinan bagi Wilayah Persekutuan dari segi pentadbiran dan pembangunan, Menteri Wilayah Persekutuan adalah bertanggungjawab bukan sahaja mengenai dasar tetapi pelaksanaan perkara-perkara yang melibatkan kepentingan rakyat. Menteri juga bertanggungjawab kepada Jumaah Menteri dan kepada Dewan yang mulia ini mengenai Wilayah Persekutuan. Oleh itu pindaan kepada seksyen 13 (1) itu membolehkan Menteri melaksanakan tugas, tanggungjawab dan kewajibannya dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta meminda Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.56 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, Yang Berhormat Menteri baharu sahaja membentangkan satu Rang Undang-undang yang bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 bagi membolehkan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan menjalankan tugas, menggunakan kuasa dan melaksanakan kewajipan Datuk Bandar apabila Datuk Bandar tidak ada atau semasa dalam tempoh jawatan Datuk Bandar kosong.

Rang Undang-undang ini adalah ekoran kepada perletakan jawatan bekas Datuk Bandar Baharu-baharu ini dan permohonan beliau untuk bercuti sebelum persaraannya.

Saya tidak bermaksud menentang Rang Undang-undang ini oleh kerana seseorang harus dilantik untuk menjalankan tugas dan fungsi Datuk Bandar serta menggunakan kuasa yang perlu semasa ketiadaan Datuk Bandar, tetapi saya ingin mengambil peluang ini menegaskan di sini berkenaan dengan betapa pentingnya Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan menjalankan tugas-tugasnya dalam satu cara di mana berbagai ketidak-adilan dalam Wilayah Persekutuan terutama dalam Kuala Lumpur dapat diatasi dan penderitaan rakyat dikurangkan.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah berikutan kelulusan Rang Undang-undang ini, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah memastikan bahawa beliau sebagai Datuk Bandar akan menjalankan tugas-tugas dan kewajibannya dengan adil dan saksama dan juga beliau akan menggunakan kuasa dengan sebaik-baiknya dan juga dengan perasaan bertanggungjawab. Pada keseluruhannya beliau hendaklah dipandu oleh prinsip kemanusiaan dalam pendekatannya terhadap berbagai masalah dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Speaker, dengan berkata demikian, saya tidak bermaksud menganggap bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan yang ada sekarang tidak bertugas dengan baik dan bertanggungjawab, tetapi tanpa diragukan bahawa pada hari ini terdapat banyak masalah dalam Kuala Lumpur yang seharusnya diatasi daripada satu pandangan—satu sikap yang flexible dan compromise, tetapi oleh kerana cara pendekatan pihak berkuasa yang keras, maka masalah-masalah ini menjadi bertambah sukar dan sulit yang terpaksa dihadapi oleh rakyat.

Tuan Speaker, izinkan saya berkata di sini bahawa kuasa-kuasa Datuk Bandar adalah sangat luas dan komprehensif. Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk kepentingan orang ramai beliau mempunyai

kuasa mengenai pengurusan seperti berkenaan dengan pengindahan bandaraya kita, perancangan, menjaja di tepi jalan hinggalah kepada masalah perparitan, kesesakan lalulintas dan kawasan perumahan.

Ambil satu contoh berkenaan dengan projek mengindahkan bandaraya di mana Pentadbiran Dewan Bandaraya memberikan perhatian utama sekarang. Di bawah projek mengindahkan bandaraya, Datuk Bandar boleh menguatkuasakan undang-undang anti-sampah sarap misalnya bagi memastikan orang ramai tidak membuang sampah-sarap sesuka hati sahaja.

Walaupun saya menyokong mana-mana kempen yang dijalankan untuk mengindahkan bandaraya kita dan memelihara kebersihan bandaraya, tetapi saya mesti membidas dengan sekeras-kerasnya terhadap cara implimentasi terhadap cara di masa kuatkuasa undang-undang dijalankan terutamanya cara mana notis-notis saman dikeluarkan kepada pesalah-pesalah.

Saya mesti menerangkan di sini bahawa jika terdapat pesalah-pesalah yang tulin (the real culprits), tentulah saya tidak ada bantahan pesalah itu disaman, didisiplin, tetapi saya sebagai Wakil Rakyat bagi kawasan Kuala Lumpur Bandar saya sentiasa menerima banyak penganduan daripada orang ramai tentang terdapat sebilangan Pegawai-pegawai Penguatkuasa semasa menjalankan tugas-tugasnya mereka tidak menunjukkan sikap bertolak ansur dan flexibility dan tidak menggunakan discretion atau tidak bertimbang rasa apabila mengeluarkan saman kepada mereka yang terlibat. Mereka tidak menunjukkan belas kesihan dan terlalu angkuh semasa menjalankan tugas mereka. Apa yang saya maksudkan di sini ialah sebilangan kecil Pegawai-pegawai Penguatkuasa yang berkenaan. Akibat tindakan ini beribu-ribu penghuni di Bandaraya, penjaja-penjaja, pekedai-pekedai dan orang ramai disaman pada setiap hari tanpa memberi mereka peluang untuk menerangkan kedudukan yang sebenarnya, tanpa memberikan mereka peluang untuk menjelaskan tentang kesukaran yang dialami oleh mereka.

Saya tidak membuat kenyataan umum. I am not making a general statement. Saya mempunyai beberapa bukti yang menunjukkan ramai orang disaman dan didenda tanpa apa-apa sebab yang sah dan saya sedia menunjukkan kepada Yang Berhormat Menteri jika beliau menghendakinya.

Baru-baru ini Dewan Bandaraya melancarkan satu kempen O.K.

Tuan Yang di-Pertua: Apa kempennya itu?

Tuan Lee Lam Thye: O.K. ini Operasi Khas.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tak bayar pun tak apa.

Tuan Lee Lam Thye: Tetapi saya kata yang sebenarnya "tidak okay". Di bawah operasi ini beribu-ribu pekedai, penjaja, penghuni-penghuni rumah pangsa kos rendah dan pengusaha-pengusaha perusahaan kecil didenda tanpa menunjukkan rasa simpati dan belas kasihan. Notis-notis saman ini dikeluarkan 2-3 kali dalam seminggu dan tanpa diragukan ini telah menimbulkan kesusahan kepada mereka yang terlibat. Setiap kali notis saman dikompaun sebanyak \$60 hingga \$80 untuk penjaja tepi jalan dan untuk orang yang menjalankan perusahaan kecil, mereka didenda sejumlah \$250.

Izinkan saya tekankan di sini, Tuan Speaker, bahawa saya tidak menentang kuatkuasa Undang-undang. I am not against law enforcement, tetapi apa yang saya ingin melihat ialah Undang-undang itu dijalankan dengan adil dan tidak dilakukan dengan tujuan menyusahkan orang ramai.

Tuan Speaker, saya menyedari bahawa tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah membolehkan Dewan Bandaraya memastikan penguatkuasaan Undang-undang yang ketat ke atas kebersihan dalam Bandaraya. Kita telah juga diberitahu bahawa Jawatankuasa-jawatankuasa akan juga ditubuhkan bagi mencari jalan memecahkan Wilayah Persekutuan ke dalam zon-zon bersih dengan tujuan mewujudkan satu alam sekitar yang bersih. Saya juga mengetahui bahawa Dewan Bandaraya akan juga melancarkan satu kempen membersihkan

sampah sarap dalam rumah-rumah pangsa dan skim perumahan kos rendah. Walaupun saya menyokong kempen kebersihan ini tetapi apa juga kempen kebersihan yang dijalankan mestilah didasarkan kepada budibicara, flexibility dan bertimbang rasa, maka barulah dapat dipastikan sokongan daripada orang ramai.

Apa yang lebih mustahak ialah melalui kempen pendidikan untuk mendidik orang ramai berkenaan dengan apa peranan yang mereka hendak mainkan dalam menentukan kebersihan dalam Bandaraya kita, itulah apa yang dianggap sebagai apa yang lebih mustahak. Tetapi apa yang saya anggap sebagai mustahil (absurd) dan tidak logik ialah tindakan Dewan Bandaraya menuduh tuannya unit rumah pangsa, kedai atau rumah bertanggungjawab ke atas sampah sarap atau kekotoran berhampiran atau di sekeliling kawasan kediamannya. Dewan Bandaraya hendaklah menyedari bahawa peraturan ini tidak boleh dikenakan kepada penghuni rumah pangsa yang biasanya tidak boleh memberitahu siapa yang melakukan kesalahan yang sebenar oleh kerana bangunan itu mempunyai kawasan bersama, tidak seperti rumah-rumah individu berkawasan sendiri. Pengaduan-pengaduan telah juga dibawakan kepada perhatian saya bahawa penghuni rumah pangsa kos rendah yang telah menerima notis saman kerana kekotoran yang mana mereka tidak sedar kekotoran ada di depan kaki lima rumah mereka. Begitu juga kedai-kedai dan penjaja-penjaja telah dikeluarkan saman kerana kekotoran yang dilihat berhampiran kawasan perniagaannya. Semua ini adalah tidak adil oleh kerana menunjukkan bahawa pegawai-pegawai yang tersebut tidak menggunakan budibicara (discretion). Izinkan saya tegaskan di sini sekali lagi bahawa dengan berkata demikian tidaklah saya bermaksud cuba mempertahankan pesalah yang sebenarnya yang saya rasa perlu didisiplinkan.

Tuan Speaker, satu lagi contoh di mana Dato Bandar menggunakan kuasa-kuasanya ialah berhubung kawalan penjaja di dalam bandaraya. Pada hari ini terdapat lebih 20,000 orang penjaja dalam Bandaraya dan saya difahamkan bahawa lebih 6,000 penjaja telah dilesenkan, sementara 3,000 orang lagi masih

belum dilesenkan. Penjaja-penjaja tak berlesen ini diganggu dan diusir setiap hari oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Bandaraya dan akibatnya kehidupan mereka amat sengsara. Kenapa tidak 3,000 orang penjaja ini dilesenkan dan diberikan tapak penjaja yang sesuai? Apabila mereka memohon lesen untuk berniaga di tapak yang ada sekarang, mereka diberitahu bahawa lesen tidak dapat dikeluarkan kerana tapak yang dipohon adalah tidak sesuai untuk berniaga. Unit Pelesenan Dewan Bandaraya selalu tidak bersedia memberitahu sebab-sebab kepada si pemohon. Mereka hanya diberitahu bahawa tapak itu tidak sesuai untuk perniagaan dan apa juga rayuan dibuat mereka masih tidak dilayan. Ini adalah masalah serius dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan saya minta Yang Berhormat Menteri berkenaan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini demi kepentingan beribu-ribu penjaja dan peniaga kecil tanpa lesen di dalam Wilayah Persekutuan. Jika mereka terus berniaga dalam tapak yang tidak diluluskan, maka mereka akan diganggu dan diusir dan barang-barang serta alat perniagaan mereka akan dirampas dan ditahan untuk tempoh selama satu minggu hingga satu bulan.

Tindakan kuatkuasa seumpama itu amatlah menyedihkan oleh kerana ianya mengakibatkan kesusahan kepada penjaja-penjaja yang berkenaan. Tetapi apa yang saya lihat amat buruk pada baru-baru ini ialah kakitangan-kakitangan penguatkuasa yang tidak berpakaian uniform adalah terlibat dalam mengambil tindakan kuatkuasa ke atas penjaja-penjaja.

Ini adalah tidak berpatutan oleh kerana tindakan tersebut boleh membawa salah faham kepada penjaja dan akibatnya mungkin berlaku sesuatu kejadian yang tidak diingini. Saya menggesa Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya meneliti perkara ini dengan serius, kerana pada pandangan saya sekiranya hendak menjalankan kuatkuasa terhadap penjaja-penjaja hanya kakitangan yang memakai uniform sahaja yang patut terlibat dan bukanlah orang-orang yang tidak memakai uniform yang sukar untuk mengenali mereka.

Tuan Speaker, satu lagi bentuk kesusahan yang wujud daripada penggunaan kuatkuasa ataupun kuasa-kuasa Datuk Bandar ialah berhubung dengan permohonan untuk kelulusan perancangan atau perintah pembangunan (development order) berhubung dengan kajang-kajang yang dipasang dengan tujuan menutup ruang udara atau digunakan untuk porch kereta atau sebagai lain-lain penutup perlindungan oleh rumah-rumah dalam kawasan perumahan. Meskipun permohonan-permohonan dikemukakan kepada Jabatan Perancangan tetapi ditolak atas sebab mereka tidak mematuhi kehendak-kehendak perancangan. Kehendak-kehendak Dewan Bandaraya berhubung dengan penutup ruang udara atau porch kereta adalah tidak praktik kerana size dan ukuran yang dibenarkan amatlah kecil untuk digunakan bagi apa-apa tujuan. Akibatnya beribu-ribu rumah dalam kawasan-kawasan perumahan di berbagai-bagai tempat dalam Wilayah Persekutuan sering dikeluarkan notis yang menghendaki mereka merobohkan sambungan haram dalam tempoh 30 hari. Semua ini akan menimbulkan kesusahan dan kesulitan kepada mereka yang terlibat.

Tuan Speaker, saya baru sahaja menyebut secara ringkas beberapa contoh sebagai menguatkan kenyataan saya bahawa tugas yang dijalankan dan kuasa yang digunakan oleh Datuk Bandar tidak menolong melepaskan kesusahan rakyat. Bagaimanapun saya suka menggesa Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan di atas kelulusan Rang Undang-undang ini supaya mengkaji dengan seriusnya masalah-masalah yang disebutkan oleh saya tadi dan mengambil langkah-langkah menyelesaikannya dengan menggunakan pendekatan yang lebih bercorak simpati, yang lebih bercorak flexible dan berperikemanusiaan semasa menjalankan tugas dan menggunakan kuasanya.

Saya mengetahui bahawa Rang Undang-undang ini juga bertujuan meminda Seksyen 13 (1) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 bagi membolehkan Menteri Wilayah Persekutuan memberi apa-apa arahan kepada Datuk Bandar mengenai perkara-perkara dasar dan yang tidak bercanggah dengan Akta ini.

Berikutan dengan pindaan ini, saya ingin menggesa Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji dengan seriusnya mengenai masalah yang melibatkan rakyat dalam Wilayah Persekutuan yang terdapat pada hari ini dan juga mengambil langkah menyelesaikannya dengan memberikan arahan-arahan positif kepada Datuk Bandar supaya dapat lebih memahami masalah rakyat dalam Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Menteri hendaklah mengadakan lebih banyak majlis dailog dengan semua pertubuhan sivik termasuk persatuan-persatuan perniagaan supaya Yang Berhormat Menteri dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai masalah-masalah yang dialami oleh mereka.

Beliau hendaklah membuat lawatan-lawatan mengejut dan tanpa memberitahu lebih dahulu ke mana-mana bahagian di dalam Wilayah Persekutuan untuk melihat sendiri sama ada pentadbiran Datuk Bandar mampu menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan dan cekap untuk menyelesaikan berbagai masalah Bandaraya seperti setingan, penjaja-penjaja, kejadian banjir, pengangkutan awam, pengurusan, lalulintas dan sebagainya. Jika Yang Berhormat Menteri bersedia menerima dan menjalankan dua cadangan saya ini maka saya percaya, saya yakin bahawa beliau akan mempunyai satu gambaran yang lebih komprehensif, satu gambaran yang baik mengenai masalah dan mudah pula untuk beliau menyelesaikannya sebagai satu perkara dasar.

Satu contoh yang saya hendak berikan di sini ialah bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh menolong setingan-setingan yang menghendaki penempatan semula dalam Wilayah Persekutuan ialah dengan cara memberi satu arahan polisi kepada Datuk Bandar supaya membenarkan setingan-setingan yang ditempatkan semula dalam rumah-rumah pangsa kos rendah dikecualikan bayaran sewa selama tiga bulan yang pertama dan diikuti dengan dikenakan setengah bayaran sewa selama enam bulan. Pada masa ini Dewan Bandaraya tidak dapat memenuhi permintaan ini kerana tidak ada polisi seperti itu. Saya menggesa Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya memberi pertimbangan yang serius kepada permintaan ini kerana

masalah kewangan yang dihadapi oleh para setinggan apabila mereka ditempatkan semula ke dalam rumah-rumah pangsa kos rendah untuk pertama kalinya.

Satu lagi bidang di mana Yang Berhormat Menteri boleh memberi arahan kepada Datuk Bandar sebagaimana di bawah Rang Undang-undang ini ialah dengan cara mengarahkan Dewan Bandaraya supaya meluluskan semua permohonan bekalan air untuk disambungkan kepada semua rumah setinggan dalam Wilayah Persekutuan yang memohonnya. Apa yang saya maksudkan ialah setinggan yang telah wujud lama bukan setinggan-setinggan yang baru, oleh sebab baru-baru ini kitapun ada tengok dalam suratkhbar bahawa Yang Berhormat Menteri pun telah mengarahkan supaya tindakan diambil terhadap mereka. Air ialah keperluan utama rakyat dan saya berharap perkara ini boleh dijadikan satu polisi untuk pelaksanaan pentadbiran kelak. Untuk kawasan-kawasan di mana bekalan air tidak dapat disambungkan kepada tiap-tiap rumah maka Yang Berhormat Menteri hendaklah mengarahkan supaya lebih banyak pili air awam (public stand-pipe) dipasangkan dalam kawasan-kawasan tersebut untuk digunakan oleh penduduk setinggan bagi keperluan mereka.

Yang akhirnya, Tuan Speaker, bekas Menteri Wilayah Persekutuan ada berkata pada awal tahun ini bahawa 7 perkara apa yang dinamakan sebagai blue print telah dirangka oleh Kementeriannya untuk menolong menyelesaikan berbagai-bagai penyakit sosio-ekonomi di dalam Bandaraya. 7 perkara blue print itu ialah:

- (1) Mewujudkan sebuah masyarakat menurut human scale.
- (2) Menarik penglibatan negara kepada pembangunan bandar bermula daripada Ibukota Persekutuan.
- (3) Menyediakan rumah-rumah, perkhidmatan perubatan, kemudahan rekreasi dan kebudayaan untuk penduduk Bandaraya.
- (4) Membasmi kemiskinan dan meningkatkan daya pengeluaran rakyat.

(5) Memperkenalkan teknologi moden bagi membaiki persekitaran Bandaraya dan membangun konsep dan teknik baru untuk panduan perkembangan Bandaraya.

(6) Mengekalkan Ibukota Persekutuan sebagai pusat pelajaran, kebudayaan dan juga perdagangan dan pengurusan.

(7) Meningkatkan pembangunan Bandaraya ke arah pembangunan aesthetic dan mengekalkan punca-punca asli dalam kawasan-kawasan Bandaraya.

Apa yang saya rasa amat penting, Tuan Speaker, ialah keperluan membina sebuah masyarakat menurut human scale sepertimana yang telah diterangkan dan dihuraikan oleh bekas Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Saya mengambil peluang ini menggesa Yang Berhormat Menteri sekarang dan Datuk Bandar supaya memastikan bahawa semua dasar dan tindakan berhubung dengan Ibukota Persekutuan hendaklah dirangka bagi mencapai pembangunan human scale ini. Perhatian kepada human scale seharusnya menjadi cogankata untuk Kuala Lumpur. Dengan izin, Tuan Speaker, dalam bahasa Inggeris be human, stay human

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah kalau sudah ada dalam Bahasa Malaysia itu tidak mengapa, bukan teknikal sangat.

Tuan Lee Lam Thye: Bercorak berperi kemanusiaan

Tuan Yang di-Pertua: Sudah indah bahasa itu.

Tuan Lee Lam Thye: "Be human, stay human dan keep to this human scale", Tuan Yang di-Pertua, hendaklah ditanamkan ke dalam hati dan fikiran setiap pentadbir Bandaraya kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

6.20 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengalu-alukan pindaan yang telah dikemukakan oleh

Menteri berkenaan. Sebagaimana kita sama-sama maklum kalau satu-satu jawatan dipegang oleh satu-satu orang, orang yang paling layak menggantikan tempat itu ialah orang yang ada kemahiran di dalam perkara berkenaan.

Sebagaimana kita tengok di dalam pindaan Undang-undang ini sekiranya jawatan Dato Bandar itu kosong disebabkan satu-satu keuzuran maka orang yang pertama yang telah dicadangkan oleh Undang-undang ini ialah Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri. Sebagaimana saya katakan tadi, kadang-kadang kebanyakan jabatan, kementerian khasnya pejabat Kerajaan terganggu daripada menjalankan urusan harian disebabkan pengaruh ataupun ketuannya tidak ada. Apabila ketuannya tidak ada kadang-kadang apabila hendak menguruskan sesuatu urusan dijawab oleh pihak berkenaan, malanglah kerana ketua tidak ada sedangkan penggantinya pun tidak ada. Jadi di sini memang telah menjadi satu adat kepada kita bagi sifat baharu kalaulah satu-satu jawatan itu kosong disebabkan berhenti atau perkara lain, penggantinya mesti ada, sama ada pengganti itu mahir ataupun tidak mahir, sebaik-baiknya pengganti itu tahu di segenap segi urusan yang akan menjadi tugasnya. Inilah sebaik-baik pengganti yang kita kehendaki sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama maklum, sebagai ketua pentadbir yang menjalankan segala urusan tadbiran di bawah arahan Menteri sebagai pemegang polisi di dalam satu-satu Kementerian ataupun badan dan sebagai Ketua Wilayah Kuala Lumpur, Ketua Setiausahalah yang menjalankan tugas harian. Jadi bererti KSU itu yang mengetahui segala selok-belok baikpun di segi pejabat termasuklah di segi kakitangan yang lain. Maka dengan sebab itu saya sungguh-sungguh mengalu-alukan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan ini walaupun di dalamnya dikatakan juga boleh pada pandangan Menteri melantik mana-mana pegawai lain untuk menjadi ketua yang menjalankan tugas sebagai Dato Bandar tetapi saya yakinlah sebagaimana ayat di atas tadi, KSU Wilayah Persekutuan layak menjadi orang pertama pengganti di dalam Undang-undang ini sebagaimana dikatakan oleh Menteri tadi.

Saya berharap dengan adanya pindaan ini yang akan diambilalih disebabkan ada beberapa masalah kepada Datuk Bandar, maka bagi penggantinya, saya yakinlah sesudah dia mengetahui selok-belok apa yang berlaku dalam Wilayah, sebagaimana saya katakan tadi, sebagai KSU Wilayah dia akan membaiki selok-belok apa yang ada pada Wilayah di segenap segi. Saya berharap, sebagaimana kita tahu walaupun di Wilayah ini khasnya yang boleh mengundi orang-orang yang ada dalam Wilayah, tetapi orang lain yang datang daripada Perlis, Kedah dan sebagainya datang sekali sekala ke Wilayah, tetapi kita tak nafikan Wilayah adalah Ibu Kota Persekutuan Malaysia. Pendekata, Wilayah akan dipandang oleh seluruh dunia kalaulah Ibu Kota Wilayah menjadi satu tempat yang baik di segenap segi keseimbangan, perniagaan, penduduk dan sebagainya itulah imej yang akan dibawa oleh negara-negara lain yang kerap kali melawat Malaysia.

Selain daripada kita rakyat Malaysia sendiri yang mana kita datang ke Ibu Kota ini walaupun macam saya katakan tadi hak sebagai penduduk di sini, tetapi bagi rakyat Malaysia amnya termasuk macam saya sendiri, saya tak nafikan Wilayah adalah Ibu Kota negara Malaysia. Pendekata, kalau Wilayah ini tak aman, saya tumpang tak seronok kerana di sinilah pusat pemerintah Malaysia. Kalau Wilayah ini kedudukannya tak seimbang misalnya, penduduknya di segi perniagaan yang mana kita tahu dalam segi Dasar Ekonomi Baru hari ini kita hendak mengimbangkan antara kaum yang ada dalam negara Malaysia ini. Misalnya, bumiputera kedudukan ekonominya terlampau rendah kita hendak naikkan mengikut DEB. Kalau kita tahu tempat yang menjadi mata pencarian yang banyak dan tempat yang menjadi pusat jual-beli dapat laku dengan mudah dan banyak, walaupun Kerajaan menggalakkan DEB di segenap ceruk luar bandar dan sebagainya, tetapi kita tahu kedudukan luar bandar mundur kerana ekonomi payah meningkat dengan kedudukan secara perhubungan dan sebagainya. Dengan sebab itulah kedudukan harga tanah dan sebagainya dalam Wilayah saya berani mengatakan yang paling mahal harganya dan pendekata. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini berkenaan Ibu Kota, Wilayah belum sampai lagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, Ibu Kota, saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Rang Undang-undang berkenaan Wilayah ada lain.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih. Saya bercakap fasal Ibu Kota terbit fasal Wilayah, dan saya tarik balik. Jadi saya tegaskan Ibu Kota. Jadi saya maksudkan sebagaimana saya kata tadi Ibu Kota bertapak di Kuala Lumpur, jadi tempat yang satu iaitu tempat yang sama.

Saya berharap Ibu Kota satu tempat yang menjadi mata pencarian kepada seluruh orang mudah dapat berniaga dan mata pencarian yang mudah dapat kewangan yang banyak. Jadi kalaulah diwujudkan satu perseimbangan yang mana Wilayah ini penduduknya satu kaum sahaja banyak, penduduk bumiputera amat kurang, jadi saya berharap sangat dengan adanya Rang Undang-undang ini, dengan adanya KSU yang akan mengambil tempat ataupun yang akan dilantik oleh Menteri sebagai Dato Bandar hendaklah dipersimbangkan perkara yang saya katakan tadi. Seboleh-bolehnya diseimbangkan dari segi perniagaan dan juga dari segi imej kepada negara luar.

Misalnya jangan terjadi kalaulah rakyat negara luar datang melawat Malaysia sekali imbas tentulah dia tak sempat hendak melawat Kangar, tak sempat hendak melawat ke negeri lain, walaupun siapapun melawat Kuala Lumpur, melawat Malaysia, walaupun dia kata baik, tinggal di Merlin Hotel, di Hilton Hotel dan melawat pejabat-pejabat besar di Kuala Lumpur, saya bimbang bila dia tengok sekali imbas kedudukan apa yang ada pada Ibu Kota dari segi perniagaan dan penduduknya seolah-olah dibayangkan Malaysia begini-begini. Sebab itu ada dalam sejarah, ada cerita dibawa ke negara lain bahawa penduduk Malaysia misalnya begini-begini. Begitu juga dari segi bahasa, walaupun kita hari ini menggalakkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan tetapi bila dipandang kedudukan Ibu Kota di segenap

papan tanda, Bahasa Malaysia payah hendak dicari. Jadi dengan sebab itulah harapan saya, Ibu Kota yang menjadi bukan sahaja Ibu Kota Wilayah Persekutuan tetapi Ibu Kota Malaysia, apa yang dapat dipandang oleh rakyat, apa yang ada dalam Ibu Kota Malaysia khususnya pelawat yang datang daripada luar negeri menunjukkan imej Malaysia seluruhnya. Maka dengan sebab itulah harapan saya, selain daripada apa yang dikatakan oleh wakil dari Kuala Lumpur Bandar tadi, dia bimbang dan barangkali itu pendapat dia. Saya berharap patutlah kita beri kuasa kepada Dato Bandar ataupun penggantinya dengan kuasa-kuasa tertentu seperti dari segi kebersihan dan lain-lain.

Saya sukacita kadang-kadang saya tengok keadaan perniagaan sebagaimana saya katakan tadi walaupun tak puas sebagaimana kita kehendaki untuk perseimbangan itu adalah bertambah baik. Jadi, saya berharap dengan terlaksananya Undang-undang ini dan dengan adanya pengganti Dato Bandar orang yang telah lama berkecimpung dalam Wilayah dan tahu di segenap segi walaupun siapa yang menjadi Menteri Wilayah hari ini dan siapa juga yang menjadi KSU dalam Wilayah akan menyambung tugas-tugasnya dengan baik, cara matlamatnya macam saya katakan tadi mencari penyelesaian, baik dari segi lalu-lintas, dari segi perniagaan dan dari segi perseimbangan penduduk dalam Wilayah khususnya untuk menjaga imej negara kepada siapa sahaja yang melawat Malaysia. Apa yang ada pada Ibu Kota inilah pada dasarnya imej Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Saya hendak menunggu tidak jumpa-jumpa koma (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Perbincangan atas Rang Undang-undang ini disambung sehingga hari esok.

Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Rabu, 21hb Oktober, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.